

PERUTUSAN TAHNIAH SEMPENA HARI KEBANGSAAN QATAR



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Amir Qatar dan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Qatar, His Excellency Sheikh Mohammed bin Abdulrahman bin Jassim Al Thani.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada His Highness Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, Amir Qatar

dan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Qatar, His Excellency Sheikh Mohammed bin Abdulrahman bin Jassim Al Thani serta kerajaan dan rakyat Qatar sempena Hari Kebangsaan Qatar.

Memupuk nilai keagamaan, bentuk sahsiah kukuh

Oleh : Pg. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim

TUTONG, Jumaat, 19 Disember. - Latihan Asas Ketenteraan bukan sahaja bertujuan meningkatkan kecekapan dan kemahiran ketenteraan, tetapi juga memupuk nilai-nilai keagamaan, pembentukan sahsiah yang kukuh serta nilai teras Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) iaitu Kesetiaan, Ketakwaan, Keberanian dan Profesionalisme.

Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), Laksamana Pertama Sahibul Bahari bin Haji Zainal Abidin menegaskan perkara itu semasa berucap selaku tetamu kehormat pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan yang berlangsung di Padang Kawad Institut Latihan ABDB (IL ABDB), Penanjong Garison, di sini.

Beliau turut menegaskan kepentingan ketahanan diri dalam menghadapi cabaran keselamatan yang sentiasa berubah, melalui kekuatan fizikal dan rohani serta mengelakkan pengaruh negatif.

>> Muka 5

Mesyuarat Pertama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-42

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BERAKAS, Khamis, 18 Disember. - Ke arah memastikan kelancaran Upacara Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-42, Tahun 2026, Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun berkenaan diadakan petang tadi bertempat di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku Pengerusi Bersama.

>> Muka 3

Hubungan diplomatik NBD, Qatar diperkukuh melalui kerjasama dua hala

Oleh : Aimi Sani

JERUDONG, Khamis, 18 Disember. - Kedutaan Qatar di Negara Brunei Darussalam (NBD) meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Qatar pada Majlis Resepsi yang berlangsung di Dewan Royal Berkshire, Tarindak d'Polo, Jerudong.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah dan isteri, Pengiran Datin Hajah Noor Yashimah binti Pengiran Anak Haji Hashim.

>> Muka 4



Berita Utama



PELANCARAN JP BBQ and Grill

Muka 6



MEMPERKUKUH daya tahan komuniti, membangunkan penyelesaian inklusif

Muka 7



LEBIH 166kg sampah berjaya dikumpul

Muka 8



RENCANA

TETAP waspada semasa musim cuti sekolah

Muka 20

TBHM 2025, BDF Ke-9 tarikan pelancongan utama

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
dan Selamat Pagi kepada semua

HARI ini menandakan satu detik penting apabila kita meraikan acara julung kalinya diadakan, The Brunei Half Marathon (TBHM). Satu detik membanggakan dalam perjalanan sukan negara yang turut mengetengahkan salah satu mercu tanda ikonik negara, Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) yang panjangnya melebihi 27 kilometer.

Kita berbesar hati kerana seramai 3,011 peserta telah mendaftar untuk acara ini,

termasuk 107 pelari antarabangsa. Penyertaan mereka membuktikan bahawa acara ini telah meraih pengiktirafan di peringkat antarabangsa serta menarik minat untuk menjadi sebahagian daripada detik bersejarah ini.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sektor pelancongan negara kita telah menunjukkan pertumbuhan yang menggalakkan. Acara seperti ini memainkan peranan penting dalam menarik pelawat antarabangsa serta terus mempromosikan negara kita sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini.

Acara pada hari ini juga menyaksikan pelancaran Pesta Disember Brunei (Brunei

December Festival - BDF) kali Ke-9 dan kita berbangga kerana TBHM menjadi salah satu acara utama dalam BDF pada tahun ini. Sebagai sebahagian dari usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menggalakkan pelancongan domestik, festival tahun ini memperlihatkan lebih daripada 200 acara serta pakej penginapan. Perkembangan berterusan dan peningkatan popularitinya dapat terus mengukuhkan tarikan festival ini sebagai acara hujung tahun yang besar, baik bagi penduduk tempatan mahupun para pelawat.

Pelancaran TBHM dan BDF kali Ke-9 ini menggambarkan kerjasama kukuh yang terjalin antara pelbagai agensi, sektor kerajaan dan sektor awam dalam memastikan pelaksanaan program pelancongan yang lancar dan berkesan serta merangsang pertumbuhan industri tersebut di negara ini.

Bagi pihak Jawatankuasa Tertinggi Maraton Jambatan SHOAS 2025, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua penaja, rakan kerjasama, organisasi kesihatan dan komuniti, peniaga tempatan serta semua pihak berkepentingan yang telah menyumbangkan kepakaran dan sumber masing-masing. Saya juga ingin menghargai peranan penting para sukarelawan kita yang berdedikasi dalam memastikan kejayaan maraton ini.

Pada akhirnya, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan Arrowtech Sports selaku penganjur bersama TBHM, serta menghargai usaha mereka dalam menganjurkan sebuah acara yang berkesan serta memberikan kenangan bermakna



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berucap pada Majlis Pelancaran 'The Brunei Half Marathon' dan 'The 9th Brunei December Festival' pada Sabtu, 29 November 2025 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Berakas.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Muhammad Aiman Najib Hamzah

ACARA pada hari ini juga menyaksikan pelancaran Pesta Disember Brunei (Brunei December Festival - BDF) kali Ke-9 dan kita berbangga kerana TBHM menjadi salah satu acara utama dalam BDF pada tahun ini. Sebagai sebahagian dari usaha Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menggalakkan pelancongan domestik, festival tahun ini memperlihatkan lebih daripada 200 acara serta pakej penginapan. Perkembangan berterusan dan peningkatan popularitinya dapat terus mengukuhkan tarikan festival ini sebagai acara hujung tahun yang besar, baik bagi penduduk tempatan mahupun para pelawat.

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	SABTU	29	4.49	4.59	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13	7.28
21	AHAD	30	4.49	4.59	6.23	6.47	12.19	3.41	6.13	7.28
22	ISNIN	1 REJAB	4.50	5.00	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29
23	SELASA	2	4.50	5.00	6.24	6.48	12.20	3.42	6.14	7.29
24	RABU	3	4.51	5.01	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30
25	KHAMIS	4	4.51	5.01	6.25	6.49	12.21	3.43	6.15	7.30
26	JUMAAT	5	4.52	5.02	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
SABTU			AHAD			ISNIN				
Bandar Seri Begawan										
30	24	°C	31	24	°C	31	24	°C		
Pekan Bangar										
30	24	°C	31	24	°C	31	24	°C		
Pekan Tutong										
30	24	°C	30	24	°C	31	24	°C		
Kuala Belait										
30	24	°C	30	24	°C	30	24	°C		

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 20 DISEMBER 2025

Keselamatan siber semasa bercuti

MESKIPUN waktu bercuti ialah masa untuk berehat, namun risiko siber tetap wujud dan boleh menjejaskan keselamatan data peribadi. Oleh itu, keselamatan siber semasa bercuti perlu dirancang dengan teliti bagi memastikan perjalanan yang selamat dan bebas daripada ancaman digital.

Pertama, persediaan sebelum bercuti amatlah penting. Pengguna hendaklah mengemas kini sistem operasi, aplikasi dan perisian keselamatan pada semua peranti seperti telefon pintar, komputer riba, dan tablet. Kata laluan yang kukuh serta pengesahan dua faktor perlu diaktifkan bagi akaun penting seperti e-mel, perbankan dalam talian, dan media sosial. Selain itu, sandaran data (*backup data*) hendaklah dibuat untuk mengelakkan kehilangan maklumat sekiranya peranti hilang atau rosak.

Kedua, aspek keselamatan semasa perjalanan perlu diberi perhatian. Elakkan penggunaan rangkaian Wi-Fi awam yang tidak selamat di lapangan terbang, hotel atau kafe. Jika perlu, gunakan rangkaian peribadi maya (VPN) untuk menyulitkan sambungan dalam talian. Pengguna juga dinasihatkan supaya tidak mengakses maklumat sensitif atau melakukan transaksi kewangan melalui rangkaian awam. Tetapan *bluetooth* dan perkongsian fail hendaklah dimatikan apabila tidak digunakan.

Seterusnya, pengurusan media sosial semasa bercuti juga memainkan peranan penting. Elakkan memuat naik lokasi secara masa nyata kerana ia boleh mendedahkan ketiadaan di rumah kepada pihak tidak bertanggungjawab. Tetapan privasi perlu disemak agar hanya rakan yang dipercayai dapat melihat kandungan yang dikongsi.

Perkongsian gambar dan maklumat perjalanan boleh dilakukan selepas pulang. Elakkan juga menggunakan stesen pengecas awam kerana *juice jacking* boleh memasang *malware*, sebaiknya gunakan pengecas sendiri. Pastikan juga awda sentiasa *log-out* selepas menggunakan komputer awam atau peranti yang dikongsi. Dengan perancangan dan amalan keselamatan siber yang baik, percutian dapat dinikmati dengan tenang tanpa risiko ancaman digital.

Tambahan pula, kesedaran ahli keluarga dan rakan seperjalanan wajar dipertingkatkan melalui perkongsian maklumat ringkas mengenai penipuan siber, pancingan data, dan aplikasi palsu. Kanak-kanak juga perlu dipantau penggunaan peranti mereka, manakala warga emas dibimbing mengenali mesej mencurigakan.

Pelan tindakan kecemasan, termasuk nombor sokongan bank dan pembekal perkhidmatan harus disimpan. Pendekatan menyeluruh ini membantu membentuk budaya keselamatan yang berterusan sepanjang percutian. Pelaksanaan berdisiplin dan konsisten memastikan teknologi menyokong pengalaman bercuti, bukan menimbulkan tekanan, kerugian kewangan, atau gangguan privasi yang boleh dielakkan melalui kesedaran berterusan dan tanggungjawab individu setiap masa semasa perjalanan mahupun menerusi aktiviti digital. – **Ketua Penyuntingan (Ad)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

PERLAWANAN SENGIT ANTARA PASUKAN POLO NBD, MALAYSIA

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohammad Hasif Matzin, Azmah Haji Ahad

BANGKOK, THAILAND, Rabu, 17 Disember. - Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam (NBD) hari ini meneruskan lagi saingan pada Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33, 2025 dengan menentang Pasukan Polo Malaysia yang berlangsung di Padang Vs Sports Club, Bangkok, Thailand.

Berangkat mewakili Pasukan Polo NBD, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah



Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar ibni Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien berkenan berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan.

Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, SEA Games Federation Honorary Life President dan Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

Dalam perlawanan *chukka* pertama menyaksikan Pasukan Polo NBD mendahului Pasukan Polo Malaysia dengan kedudukan 3.5 - 2 melalui Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar.

Manakala pada perlawanan *chukka* kedua pula, perlawanan berlangsung sengit dan seimbang dengan kedua-dua pasukan mempamerkan aksi terbaik, sebelum wisel ditiup dan sepakan penalti 40 ela diberikan kepada Malaysia. Pasukan Polo NBD kekal dengan kedudukan mata yang sama, sementara Pasukan Polo Malaysia mendapat tambahan 2 mata.

Masuk *chukka* ketiga, menyaksikan Pasukan Polo NBD memperoleh 1 mata tambahan melalui Farid Abdullah. Manakala Pasukan Polo Malaysia memperoleh tambahan 2 mata.

Pada perlawanan *chukka* keempat, Pasukan Polo NBD memperoleh tambahan 1 mata melalui Farid Abdullah sementara Pasukan Polo Malaysia mendapat tambahan 3 mata sekali gus menjadikan keputusan 5.5 - 9 pada perlawanan tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat mewakili Pasukan Polo Negara Brunei Darussalam (NBD) (atas dan bawah).



Mesyuarat Pertama Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-42

>> Muka 1

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam ucapannya menjelaskan, sambutan berkenaan harus berperanan sebagai pemacu untuk meningkatkan daya saing ekonomi negara, memperkukuh dan mengembangkan kerjasama melalui pelbagai lapisan masyarakat serta memantapkan komitmen bersama dalam menjunjung keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan demi masa depan Brunei yang lebih gemilang.

"Justeru, bagi memastikan kelancaran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-42, usaha mempertingkatkan kemahiran dan mutu penganjuran perlu diteruskan.

"Pelantikan Penasihat Bersama, Pengerusi Bersama serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi diharapkan dapat memperkukuh pendekatan senegara dalam perancangan dan persediaan, sekali gus menzahirkan rasa syukur dan kebanggaan rakyat terhadap detik bersejarah negara,"

ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, kita juga mengambil maklum bahawa Sambutan Hari Kebangsaan Ke-42 pada tahun 2026 akan berlangsung dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan.

Sehubungan itu, tambah Yang Berhormat, pendekatan dan bentuk sambutan perlu disesuaikan agar selaras dengan tuntutan kesederhanaan, penghayatan nilai ketakwaan serta kemuliaan bulan tersebut.

Dalam hal ini, jelas Yang Berhormat lagi, penyesuaian sedemikian bukanlah suatu kelainan, memandangkan negara ini pernah melaksanakan sambutan yang sama dalam suasana Ramadan pada tahun-tahun sebelumnya.

"Oleh yang demikian, sambutan pada tahun hadapan akan dirangka dengan lebih cermat dan berhemah, dengan memberi penekanan kepada pengisian yang berunsur keagamaan tanpa mengurangi nilai sejarah dan makna besar Hari Kebangsaan itu sendiri.

"Walaupun disambut dalam suasana Ramadan, semangat patriotisme dan cinta akan negara tetap menjadi teras sambutan ini. Aktiviti-aktiviti yang dirancang akan terus menjadi wadah bagi rakyat dan penduduk negara untuk bersama-sama menzahirkan kecintaan kepada raja dan negara," ujar Yang Berhormat.

Agenda Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42, Tahun 2026 kali ini memfokuskan kepada rumusan post-mortem Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-41, Tahun 2025, tema dan huraian tema bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42, Tahun 2026, cadangan format acara kemuncak sambutan, acara-acara sambutan seperti tarikh-tarikh Menaikkan dan Menurunkan Bendera, Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera, Majlis Khatam Al-Quran 42 Kali, acara sampingan dan ketetapan pertandingan logo.

Dalam memastikan kelancaran Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-42 pada tahun 2026, yang akan berlangsung bertepatan dengan bulan Ramadan yang penuh keberkatan, satu Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja ditubuhkan untuk mengatur dan menyelaras segala aspek pengendalian.

Jawatankuasa ini berperanan memastikan pendekatan sambutan diselaras dengan tuntutan kesederhanaan, penghayatan nilai



MESYUARAT dipengerusikan bersama Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan selaku Pengerusi Bersama (atas). Sementara gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir pada mesyuarat tersebut.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

ketakwaan serta kemuliaan bulan Ramadan, di samping mengekalkan semangat kebangsaan dan kemeriahan acara sebagai wadah memperkukuh perpaduan rakyat serta menzahirkan kecintaan kepada negara.

Turut sama hadir pada mesyuarat itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Penasihat Bersama; Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama,

Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia ACP Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-42, Tahun 2026.



HUBUNGAN DIPLOMATIK NBD, QATAR DIPERKUKUH MELALUI KERJASAMA DUA HALA



Oleh : Aimi Sani

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II serta isteri hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Resepsi yang berlangsung di Dewan Royal Berkshire, Tarindak d'Polo, Jerudong (atas). Sementara gambar kiri, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Datin seterusnya menyertai sesi memotong kek bersama Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Qatar ke Negara Brunei Darussalam.

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan diikuti dengan Lagu Kebangsaan Qatar dan diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Haji Mohammad bin Ali.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Datin seterusnya dijunjung bagi memotong kek sempena Hari Kebangsaan Qatar bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Qatar ke NBD, Tuan Yang Terutama Abdulla Hamad Ali Al-Adham Al-Marri.

Hubungan diplomatik NBD dan Qatar telah mencapai kemajuan besar dalam hubungan dua hala yang diperkukuhkan dengan beberapa persetujuan dan memorandum persefahaman bagi menguatkan dan mengembangkan

lagi kerjasama yang lebih erat dalam pelbagai bidang.

Pada tahun ini, hubungan diplomatik NBD dan Qatar telah menandakan lebih daripada tiga dekad hubungan diplomatik susulan terjalinnya hubungan

pada 2 Oktober 1991.

Baru-baru ini, kedua-dua pihak telah meningkatkan kerjasama dalam pendidikan, teknologi, budaya dan pelaburan, mencerminkan kekuatan dan janji masa depan hubungan dua hala.

Sentimen perniagaan NBD kekal optimistik pada Oktober 2025

Berita dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Disember. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan (Business Sentiment Index - BSI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Oktober 2025.

Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas sekitar 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar dari 11 sektor ekonomi, di semua daerah di NBD.

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen / keyakinan perniagaan di NBD dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan.

Memandangkan

pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

Indeks utama BSI, iaitu sub-indeks Keadaan Perniagaan, dicatat pada tahap 50.4 pada Oktober 2025, menunjukkan keadaan perniagaan yang optimistik berbanding bulan sebelumnya.

Keadaan perniagaan disokong oleh beberapa faktor positif, termasuk peningkatan jualan dan pesanan, permintaan bermusim, projek-projek baharu dan yang sedang berjalan, peningkatan langganan, dan usaha pemasaran yang aktif.

Sesetengah perniagaan juga mendapat manfaat daripada pamacu khusus bagi sektor

tersebut seperti peningkatan sumbangan insurans dan takaful, tempahan bagi pelancongan dan acara-acara, dan jualan ayam (*poultry*) dan pertanian yang lebih kukuh.

Walau bagaimanapun, kesan positif ini diimbangi oleh kebimbangan terhadap kelembapan permintaan bagi sesetengah perniagaan, terutamanya yang bergantung kepada eksport, persaingan untuk mendapatkan projek di kalangan perniagaan, serta cabaran berkaitan cuaca yang menjejaskan pengeluaran dan operasi. Indeks bagi satu bulan ke hadapan berada pada tahap 49.9, di mana kebanyakan perniagaan merekodkan pandangan pesimistik terhadap prospek mereka pada November 2025.

Secara keseluruhan, perniagaan menjangka prestasi yang lebih lemah, mengambil kira kemungkinan kelembapan bermusim, peningkatan aktiviti melancong ke luar negara semasa musim cuti persekolahan, penamatan kontrak, pengurangan aktiviti pelanggan, penyelesaian projek, serta beberapa gangguan daripada aktiviti pelanggan dan keadaan cuaca.

Manakala, sub - indeks Pelaburan berada pada tahap 50.4 bagi Oktober 2025, dan 50.6 bagi indeks satu bulan ke hadapan dan tiga bulan ke hadapan, yang mana ini menunjukkan jangkaan bahawa tahap pelaburan akan meningkat, yang juga akan berterusan pada beberapa bulan berikutnya.

Bagi Oktober 2025, peningkatan ini dikaitkan dengan aktiviti projek, kerja-kerja pengubahsuaian dan pengembangan, penaiktarafan sistem, pembelian peralatan, dan penambahan semula inventori untuk persediaan menghadapi kitaran jualan dan musim perayaan yang akan datang.

Memandangkan ke hadapan, para

peniaga menjangka tahap pelaburan akan terus meningkat, terutamanya untuk menampung pelaksanaan projek-projek yang berlanjutan dan persediaan untuk permintaan hujung tahun.

Walau bagaimanapun, para peniaga menekankan sebahagian besar pelaburan sebenar adalah bergantung kepada pengesahan projek-projek dan prestasi perniagaan.

Seterusnya, sub-indeks Pengambilan Pekerja adalah 49.9 bagi Oktober 2025 dan bagi satu bulan ke hadapan, yang mana kedua-dua sub-indeks menandakan sedikit penurunan dalam jumlah pekerja disebabkan oleh peletakan jawatan, persaraan, dan penamatan kontrak.

Namun demikian, kebanyakan perniagaan melaporkan jumlah pekerja yang stabil bagi Oktober dan November 2025 serta menyatakan rancangan pengambilan pekerja bagi menggantikan kakitangan yang berhenti dan menyokong projek baharu serta pengembangan perniagaan.

Disamping itu, beberapa perniagaan kecil dan mikro menyuarakan kebimbangan mengenai proses pengambilan pekerja asing.

Bagi sub-indeks Kos Perniagaan pula, dicatat pada tahap 50.4 bagi Oktober 2025 dan 50.0 bagi satu bulan ke hadapan, menunjukkan jangkaan peningkatan kos perniagaan pada Oktober yang mungkin akan beransur stabil pada November 2025.


Peningkatan kos pada Oktober sebahagian besarnya dikaitkan dengan jumlah pengeluaran dan perbelanjaan berkaitan projek.

Antara faktor lain yang dikongsikan adalah berkaitan perbelanjaan pemasaran dan promosi, kerja - kerja penyelenggaraan atau pembaikan, serta kos pengimportan, penghantaran dan penyewaan yang lebih tinggi.

Memandang ke hadapan, perniagaan menjangka kos operasi adalah hampir sama seperti Oktober 2025.

Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn.

Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.



Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

BSI Oktober 2025	
Keadaan Perniagaan	50.4
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	49.9
Pelaburan	50.4
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.6
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.6
Pengambilan Pekerja	49.9
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	49.9
Kos Perniagaan	50.4
Kos Satu Bulan ke Hadapan	50.0

PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Jumaat, 19 Disember. - Dengan rahmat dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala, Soldadu Dayang Norsyaheerah Azurien binti Sahrezal daripada Jabatanarah Keanggotaan, Kementerian Pertahanan telah memeluk agama Islam bersama dua orang adik-beradik beliau dalam Majlis Pengislaman yang diadakan petang tadi bertempat di rumah kediaman ibu bapa mereka di Kampung Sungai Damit, Ukong.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; Ahli Majlis Mesyuarat Negara merangkap Penghulu Mukim Ukong, Zon 1 - Daerah

Tutong, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri; pegawai - pegawai kanan Kementerian Pertahanan, pegawai - pegawai daripada Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, anggota-anggota Kementerian Pertahanan dan kaum keluarga saudara - saudara baharu berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Al-Mu'minin dari Ayat 1 hingga 11, yang dibacakan oleh Koperal Awang Muhd. Zulilmi bin Awang Haji Julahia, Jabatanarah

HADIR pada Majlis Pengislaman berkenaan ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara merangkap Penghulu Mukim Ukong dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong (atas kiri dan atas). Manakala gambar bawah, Soldadu Dayang Norsyaheerah Azurien binti Sahrezal memeluk agama Islam bersama dua orang adik-beradik beliau.

Agama ABDB (JAMA'AT).

Seterusnya, ketiga-tiga beradik tersebut telah melafazkan Dua Kalimah Syahadah yang dipimpin oleh pegawai-pegawai dari PDI, Daerah Tutong.

Majlis kemudiannya disemarakkan dengan laungan takbir sebanyak tiga kali, diikuti dengan bacaan Doa Pengislaman oleh Pemangku Pengarah JAMA'AT, Leftenan Kolonel Awang Abdul Mujib bin Haji Japar, dan diserikan dengan Dikir Marhaban serta acara menabur bunga rampai.

Atur cara juga turut diselitkan dengan penyampaian cenderahati oleh Pemerintah ABDB kepada



Soldadu Dayang Norsyaheerah Azurien binti Sahrezal, disusuli dengan bacaan Doa Peliharakan

Sultan serta Negara Brunei Darussalam, dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Memupuk nilai keagamaan, bentuk sahsiah kukuh

>> Muka 1

Seterusnya beliau menjelaskan, kepentingan pembelajaran berterusan melalui latihan dua hala, serantau dan pelbagai hala bagi mempertingkatkan keupayaan operasi ABDB, sambil menyatakan bahawa tanggungjawab seorang anggota tentera melangkaui tugas ketenteraan semata-mata selaras dengan prinsip Maqasid Syariah sebagai asas kepada keselamatan negara.

Di samping itu, beliau menyeru kepada para rekrut agar sentiasa mengekalkan disiplin, integriti, semangat kerjasama dan profesionalisme sepanjang kerjaya mereka serta bersedia berkhidmat kepada negara dengan penuh kesetiaan dan dedikasi.

Dalam kesempatan itu, beliau merakamkan ucapan tahniah kepada semua rekrut atas kejayaan menamatkan Latihan

Asas Ketenteraan, serta menyanjung tinggi ketabahan, disiplin dan komitmen yang ditunjukkan di sepanjang 14 minggu latihan.

Selain itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada para jurulatih atas dedikasi yang diberikan dan sokongan berterusan daripada ibu bapa dan keluarga para rekrut.

Seramai 122 Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-178 dan 48 Rekrut Wanita Pengambilan Ke-60 ABDB telah berjaya menamatkan Latihan Asas Ketenteraan masing-masing pada upacara perbarisan tersebut.

Turut hadir, Timbalan-timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota-anggota Kementerian Pertahanan serta keluarga dan penjaga para rekrut yang diraikan.

Upacara tersebut dimulakan

PEMERINTAH Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah kepada para rekrut pada Upacara Perbarisan Tamat Latihan yang berlangsung di Padang Kawad Institut Latihan ABDB (IL ABDB), Penanjong Garison (kanan dan bawah kiri).

dengan pemeriksaan perbarisan oleh tetamu kehormat, disusuli dengan penyampaian ucapan.

Sebagai penghargaan atas kecemerlangan sepanjang tempoh latihan, beberapa anugerah telah disampaikan kepada rekrut dan jurulatih dalam kategori masing-masing.

Bagi Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-178, Rekrut Abdul Azim Mohammed @ Abdul Haziq Mohammed bin Abdullah telah dinobatkan sebagai Rekrut Terbaik Keseluruhan, manakala Rekrut (U) Muhammad Syahmi bin Shamsol menerima anugerah Terbaik Kemahiran Ketenteraan. Bagi kategori Terbaik Latihan Senjata Ringan, anugerah telah diberikan kepada Rekrut Khairul Amirin bin Yusuf, sementara Rekrut Mohd. Luqman Hafizi bin Muhammad dianugerahkan sebagai Terbaik dalam Latihan Fizikal.

Bagi Rekrut Wanita Pengambilan Ke-60, Rekrut Dayangku Noor Izzatul Raihana



Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

binti Pengiran Mohd. Harun, TLDB telah dinobatkan sebagai Rekrut Terbaik Keseluruhan, manakala Rekrut Siti Nasibah binti Haji Nasib menerima anugerah Terbaik Kemahiran Ketenteraan. Bagi kategori Terbaik Latihan Senjata Ringan, anugerah telah diberikan kepada Rekrut Nurul Fatin Fazera binti Haji Abdullah, TLDB, sementara Rekrut Nur Farhana Syaherra binti Md. Faizal, TLDB dianugerahkan sebagai Terbaik dalam Latihan Fizikal.

Selain itu, Anugerah Ketua Seksyen Terbaik Lelaki dianugerahkan kepada Koperal (U) Wan Ameerul Amin bin Zulkarnain, manakala Anugerah Ketua Seksyen Terbaik Wanita telah diraih oleh Koperal Norhanis binti Haji Bakari. Anugerah Platoon Sarjan Terbaik Lelaki disampaikan kepada Sarjan

Jeihan bin Haji Roslan, sementara Anugerah Platoon Sarjan Terbaik Wanita dianugerahkan kepada Sarjan Masrani binti Jefri, sebagai penghargaan terhadap kepimpinan, profesionalisme dan komitmen cemerlang sepanjang tempoh latihan.

Upacara diakhiri dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Kapten Abdul Mu'iz Azizi bin Zulkifli dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT).

Upacara Perbarisan Tamat Latihan berkenaan bukan sahaja menandakan kejayaan para rekrut menamatkan Latihan Asas Ketenteraan, malah menzahirkan transformasi mereka sebagai seorang tentera ABDB yang terlatih, berdisiplin serta bersedia menggalas amanah mempertahankan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.



BUKU PERINGATAN TANDA 40 TAHUN HUBUNGAN KESULTANAN OMAN, NBD



BERAKAS, Rabu, 17 Disember. - Kedutaan Kesultanan Oman di Negara Brunei Darussalam (NBD) pagi tadi melancarkan sebuah buku peringatan bertajuk 'Oman-Brunei: Masa Kini Dinamik dan Masa Depan Makmur – Menyambut 40 Tahun Hubungan Diplomatik antara Kesultanan Oman dan NBD' yang menandakan kemuncak empat dekad hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara yang berlangsung di Grand Hall, Mulia Hotel, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar

Negeri, Pengiran Norhashimah binti Pengiran Mohd. Hassan.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan kedua-dua negara, diikuti dengan bacaan Doa Selamat.

Acara kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD, Puan Yang Terutama Erma Said Mohamed Al Kathiry, yang antara lain meluahkan rasa syukurnya di atas majlis tersebut.

Puan Yang Terutama menekankan bahawa, buku

SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menerima cenderamata peringatan.

berkenaan bukan sekadar rakaman sejarah tetapi satu bukti hidup mengenai perkongsian yang diasaskan atas visi bersama dan nilai-nilai murni.

Tambah PYT lagi, ia dihasilkan dengan kerjasama Comquest Sdn. Bhd. – sebuah usaha sama antara entiti Oman dan Brunei, iaitu Bahwan CyberTek dari Kesultanan Oman dan Darussalam Assets Sdn. Bhd. dari NBD.

Kandungan buku tersebut, jelas PYT lagi, telah disemak dengan teliti untuk mencerminkan inti pati perjalanan dua hala berkenaan.

Menyentuh sentimen yang sama, Pengarah (Pembangunan Perniagaan), Comquest Sdn. Bhd., Dayang Amalina Diyana binti Dato Paduka Haji Mohd. Daud, meluahkan rasa hormat kerana syarikat berkenaan dapat menyumbang kepada projek yang mendokumentasikan satu bab

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Pg. Mohammad Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

persahabatan antarabangsa yang begitu signifikan.

Kemuncak majlis ialah pelancaran digital buku berkenaan yang merupakan satu isyarat kontemporari dalam mendedahkan ikatan tradisional dan pencapaian moden, diikuti dengan penyampaian cenderamata peringatan kepada tetamu kehormat.

Majlis kemudiannya diakhiri dengan tayangan filem dokumentari yang mempamerkan landskap pelancongan Oman yang dinamik dan peluang pelaburan yang menarik.

Tumpuan utama sambutan berkenaan ialah buku yang dihasilkan dengan penuh elegan, dihidiahkan kepada semua tetamu sebagai kenangan abadi.

Lembaran-lembarannya merangkumi keluasan kerjasama yang luar biasa yang telah berkembang selama 40 tahun.

Buku Peringatan tersebut mengandungi 24 bahagian utama.

Ia merangkumi mesej rasmi daripada Yang Berhormat Menteri

Hal Ehwal Luar Negeri Kesultanan Oman dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II NBD; kata aluan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD; serta naratif peribadi daripada duta-duta besar di kedua-dua buah negara.

Buku tersebut meneliti perjalanan diplomatik melalui lawatan negara peringkat tinggi dan pertemuan timbal balik di peringkat menteri dan timbalan setiausaha.

Ia mendokumenkan perjanjian yang telah ditandatangani dan mekanisme perundingan dua hala, sambil menonjolkan kerjasama dalam bidang perdagangan, pelaburan, tenaga dan pertahanan.

Selain itu, ia meraikan pertukaran budaya dan pendidikan serta program-program pemerkasaan belia, sekali gus menekankan peranan utama Kedutaan Kesultanan Oman di NBD sebagai tonggak asas kepada perkongsian yang berkembang maju ini.

Pelancaran JP BBQ and Grill

JERUDONG, Rabu, 17 Disember. - Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd. (JPCC) hari ini menganjurkan Majlis Pelancaran (Grand Launching) JP BBQ and Grill, menandakan usaha berterusan memperkembangkan Jerudong Park sebagai destinasi riadah dan gaya hidup unggul di Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya merasmikan majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab selaku Pengerusi JPCC.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Doa Kesyukuran, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengurus Property and Leasing JPCC, Awang Haji Asmalee bin Haji Bujang.

Dalam ucapannya, beliau menekankan usaha bersepadu antara jabatan serta komitmen JPCC untuk memperkukuhkan JP sebagai destinasi mesra keluarga bagi aktiviti menjamu selera, riadah dan pengumpulan komuniti.

Beliau seterusnya menyentuh mengenai kembalinya JP Salai yang ikonik, kini diperbaharui dengan konsep terbuka yang mengekalkan tradisi asalnya sambil memperkenalkan sentuhan moden yang lebih segar dan menarik untuk para pengunjung.

JP BBQ and Grill merupakan sebahagian daripada pembangunan JP Food Court Fasa 3 dan menyediakan sebanyak 12 unit baharu yang berkonsepkan masakan panggang dan barbeku dan menawarkan pelbagai juadah bagi memenuhi cita rasa pengunjung, keluarga dan para pencinta makanan.

Pembangunan ini bukan sahaja meningkatkan pengalaman pelanggan malah membuka peluang perniagaan kepada para usahawan tempatan.

Pelancaran ini dirasmikan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) selaku Pengerusi JPCC hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran JP BBQ and Grill (atas dan bawah).

Oleh : Aimi Sani

Foto : Ihsan Jerudong Park Country Club

dengan acara potong reben oleh Setiausaha Tetap KSSUP selaku Pengerusi JPCC; Pengurus Am JPCC, Dayang Hajah Siti Norzalena binti Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman; Senior Investment Manager Darussalam Assets Sdn. Bhd., Dayang Frances Ngaw dan Pengurus Property and Leasing JPCC, Awang Haji Asmalee bin Haji Bujang.

Pelancaran ini menggambarkan komitmen JPCC untuk terus

memperkaya tarikan dan kemudahan di JP, agar kekal relevan sebagai destinasi pilihan untuk generasi kini dan akan datang.

JP BBQ and Grill kini dibukakan kepada orang ramai setiap hari bermula jam 4.00 petang hingga tengah malam. Untuk keterangan lebih lanjut mengenai JP BBQ and Grill ini, orang ramai boleh hubungi +673 7379044 atau layari laman sosial Instagram @jpfoodcourt.



Keputusan Peperiksaan SPUB dikeluarkan

Siaran Akhbar : Jabatan Pengajian Islam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Disember. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei telah mengeluarkan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (bagi calon-calon Tahun 10/11) di sekolah-sekolah menengah Arab dan Institut Tahfiz al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Daripada 689 calon yang menduduki peperiksaan SPUB, seramai 350 calon iaitu 50.80 peratus telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya pangkat Jayyid (Kepujian) dalam semua mata pelajaran yang diduduki.

Sementara itu, 532 calon iaitu 77.21 peratus telah memperoleh sekurang-kurangnya lima pangkat Jayyid (Kepujian) dalam mata-mata pelajaran yang diduduki.

Daripada jumlah 689 orang, seramai 11.76 peratus calon telah berjaya memperoleh agregat 6 ke 8.

Calon-calon sekolah yang telah menduduki peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip pernyataan keputusan mereka di sekolah masing-masing.

Manakala bagi calon persendirian hendaklah mengambil slip pernyataan keputusan di pejabat Bahagian Peperiksaan, JPI, bertempat di tingkat bawah bangunan KHEU pada waktu pejabat.

Sehubungan dengan itu, bagi calon-calon yang layak dan berminat untuk meneruskan pengajian mereka ke peringkat pra-u di Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STAHB), bolehlah mengambil borang pendaftaran / kemasukan bermula pada Sabtu, 6 Rejab 1447H bersamaan dengan 27 Disember 2025M, pukul 8:30 pagi hingga 12.00 tengah hari di STAHB, KM 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Parit, Bandar Seri Begawan, BA1912, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh akhir bagi mengembalikan semula borang tersebut ke sekolah berkenaan ialah pada Sabtu, 13 Rejab 1447H bersamaan dengan 3 Januari 2026M.

Bagi calon-calon peperiksaan, ibu bapa / penjaga yang ingin mendaftar untuk mendapatkan keputusan peperiksaan melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON (jarak) NOMBOR KAD PENGENALAN PINTAR dan hantar ke +673 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan dengan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan talian telefon bimbit masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi.

MEMPERKUKUH DAYA TAHAN KOMUNITI, MEMBANGUNKAN PENYELESAIAN INKLUSIF



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) selaku Ahli Majlis Serantau Asia Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) serta Dekan Pelajar KUPU SB, selaku Pegawai Perhubungan KUPU SB-APUCEN hadir mewakili KUPU SB di Mesyuarat APUCEN (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

PULAU PINANG, MALAYSIA, Khamis, 18 Disember. - Mesyuarat Majlis Serantau Asia Pacific University - Community Engagement Network (APUCEN) Ke-21 telah diadakan baru-baru ini, bersempena dengan Compassion Summit 2025, yang berlangsung pada 15 hingga 16 Disember 2025, di Pulau Pinang, Malaysia.

Mesyuarat dikendalikan oleh Universiti Sains Malaysia (USM),

selaku Sekretariat APUCEN.

Mewakili Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ke mesyuarat dan persidangan berkenaan ialah Ra'es KUPU SB selaku Ahli Majlis APUCEN, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; serta Dekan Pelajar KUPU SB, selaku Pegawai Perhubungan KUPU SB-APUCEN, Awang Ali Hardi bin Haji Mohamed.



Mesyuarat Majlis Serantau APUCEN Ke-21 kali ini antara lain membincangkan agenda-agenda yang berkaitan dengan perkembangan terkini serta aktiviti dan inisiatif yang sedang dijalankan oleh Ahli Majlis APUCEN, di samping merangka hala tuju APUCEN pada tahun 2026.

Ini termasuklah agenda yang menyentuh tentang penyertaan terkini ahli-ahli APUCEN.

Mesyuarat juga membincangkan persediaan Seminar Universiti Community Engagement Network (UCEC) Ke-8 yang akan diadakan pada tahun 2026 di Pulau Pinang bersempena 15 tahun penubuhan APUCEN.

Seiring dengan mesyuarat berkenaan, USM turut menganjurkan Compassion Summit 2025, yang bertemakan 'Empower Communities, Create Impact, Sustain Future'.

Tema ini mencerminkan komitmen bersama APUCEN untuk memacu penglibatan komuniti berimpak tinggi melalui gerakan rentas sempadan yang berteraskan empati, kolaborasi dan inovasi.

Dengan menggerakkan kepakaran bersama serta tindakan kolektif, setiap ahli mampu memperkukuh daya tahan komuniti, membangunkan penyelesaian inklusif dan berskala,

serta mengangkat inisiatif tempatan menjadi model berimpak serantau.

Melalui komitmen padu universiti di seluruh Asia-Pasifik, APUCEN memajukan penglibatan komuniti sebagai agenda transformasi serantau, mencetuskan keadilan sosial, ketahanan dan pembinaan negara yang mampan merentas sempadan.

Persidangan diserikan dengan Sesi Ucaptama, Dialog Plenari, Perkongsian daripada Ahli APUCEN mengenai perkembangan aktiviti dan inisiatif yang sedang dilaksanakan serta pelancaran rasmi Buku Inisiatif COMPASSION.

Dukung inisiatif penghayatan bahasa Arab

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU hadir di majlis berkenaan (kanan). Manakala gambar kiri, Pemangku Pengarah Pengajian Islam, KHEU semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

Sedunia 1447 Hijrah / 2025 Masihi, di Pusat Beli Belah OneCity, Kampung Sungai Hanching.

Sambutan ini adalah bagi memperingati pengiktirafan bahasa Arab oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagai salah satu bahasa rasmi dunia.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Doa Selamat dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil.

Pengisian majlis disemarakkan dengan Kuiz Interaktif Kahoot,



Peraduan Penyampai Berita dan kemudiannya penyampaian hadiah kepada para pemenang yang disampaikan oleh Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Dr. Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Acara itu diakhiri dengan lawatan ke petak pameran dan permainan yang disediakan.

Sepanjang sambutan diadakan, para pengunjung berpeluang menyertai pelbagai aktiviti dan permainan berasaskan bahasa Arab yang dibahagikan kepada Kategori Kanak-kanak, Kategori Dewasa dan Kategori Terbuka.

Semua aktiviti yang dirancang adalah untuk memberikan pengalaman pembelajaran menyeronokkan, sambil menggalakkan penghayatan yang lebih mendalam terhadap bahasa

Arab.

Penganjuran Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia ini juga merupakan antara usaha berterusan JPI ke arah mendukung inisiatif meningkatkan kesedaran tentang peranan bahasa Arab dan memasyarakatkan bahasa Arab

dalam kalangan orang awam melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan agar dapat memupuk minat masyarakat untuk mempelajari bahasa tersebut serta memperkukuh peranannya sebagai salah satu medium ilmu dan komunikasi sejagat.



ANTARA peserta yang menyertai Peraduan Penyampai Berita pada Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan di Pusat Beli Belah OneCity, Kampung Sungai Hanching.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESAHAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Rupa Awda

NUR HAMIZAH SAMIHON DIANUGERAHKAN THE S.E.A. WRITE AWARD 2024-2025

Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka

BANGKOK, THAILAND, Rabu, 17 Disember. – Majlis Penganugerahan bagi Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara (The S.E.A. Write Award) 2024-2025 diadakan baru-baru ini di Sukhothai Palace, Bangkok, Thailand.



Penyampaian anugerah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Puteri Sirivannavari Nariratana Rajakanya.

Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara dari Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi tahun 2024 ialah Dayang Hajah Nur Hamizah binti Haji Samihon (Nur Hamizah Samihon) dengan karya terpilih, iaitu 20 (novel).

Selain menghadiri majlis penganugerahan berkenaan, beberapa kegiatan telah disusun atur oleh Komiti Anugerah Penulis Asia Tenggara, Bangkok, Thailand, antaranya Majlis Makan Malam Penghargaan dan persembahan deklamasi sajak.

Kesemua penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara menerima Plak Pengiktirafan dan

PENERIMA Anugerah Penulis Asia Tenggara dari Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2024, Dayang Hajah Nur Hamizah binti Haji Samihon.

PEMANGKU Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam semasa sesi bergambar ramai pada majlis tersebut.

honorarium.

Turut hadir ke majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, NBD, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit, berserta seorang pegawai pengiring yang juga bertindak selaku Urus Setia Anugerah Penulis Asia Tenggara bagi NBD.

Anugerah Penulis Asia Tenggara yang diwujudkan oleh negara Thailand sejak tahun 1979 merupakan anugerah berprestij yang memberikan pengiktirafan tertinggi kepada penulis dan penyair terkemuka dari negara-negara Asia Tenggara, iaitu Thailand, NBD, Republik Filipina, Republik Indonesia, Kemboja, Republik Demokratik Rakyat Laos, Malaysia, Republik Kesatuan Myanmar, Republik Singapura dan Republik Sosialis Viet Nam.



Antara objektif Anugerah Penulis Asia Tenggara diadakan adalah untuk mengiktiraf kreativiti penulis-penulis dari negara-negara Asia Tenggara, mewujudkan kesedaran dan pemahaman yang meluas mengenai kekayaan sastra dalam kalangan penulis-penulis ASEAN, mengapresiasi dan mempromosikan bakat-bakat penulis kreatif ASEAN.

Penganugerahan melalui

Anugerah Penulis Asia Tenggara menjadi platform berimpak dalam mengangkat serta mengiktiraf para penulis tanah air di peringkat serantau.

Pengiktirafan ini memperlihatkan keupayaan penulis negara menghasilkan karya bermutu tinggi yang setanding dengan karya penulis lain di Asia Tenggara, malah turut berdaya saing di pentas antarabangsa.

Lebih 166kg sampah berjaya dikumpul



SEKITAR kempen kebersihan pantai yang telah diadakan di Pantai Serasa (atas, kiri dan bawah kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Disember. – Dalam menunjukkan komitmennya terhadap pemeliharaan alam sekitar, Pricewaterhouse Coopers Services (PwC) dengan kerjasama Green Brunei serta Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) di bawah Kementerian Pembangunan telah mengadakan kempen kebersihan pantai berlangsung

di Pantai Serasa, baru-baru ini.

Dengan penyertaan 55 kakitangan sebagai sukarelawan, program ini telah mengumpulkan sebanyak 166.5 kilogram (kg) sampah.

Sampah yang dikutip telah diasingkan bagi menyumbang kepada data kebangsaan mengenai komposisi sisa, yang mendedahkan tahap penggunaan plastik yang tinggi,



iaitu 46.6kg botol plastik, 54.4kg sisa plastik am dan 65.5kg sisa jenis lain.

Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap isu sisa yang semakin membimbangkan di Negara Brunei Darussalam (NBD), khususnya peningkatan sampah di kawasan pantai yang sering menjadi lebih ketara menjelang akhir tahun.

Dengan mengira dan menganalisis jumlah plastik yang diperoleh, projek ini menyediakan data bernilai untuk pengumpulan dan analisis peringkat kebangsaan, sekali gus membantu merangka strategi pengurusan sisa pada masa hadapan.

Acara ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Rakan Kongsi PwC, Xiang Yuin Chai yang menekankan komitmen syarikat tersebut terhadap amalan lestari dan penglibatan komuniti.

Selepas itu, para sukarelawan dibahagikan kepada beberapa pasukan dan dikerahkan untuk meliputi zon-zon yang berbeza.

Kerjasama antara PwC, Green Brunei dan JASTRe mencerminkan kesepaduan yang kukuh bahawa kerjasama sektor awam dan swasta berupaya menangani cabaran alam sekitar yang besar.

Inisiatif bersama ini menjadi langkah ke arah pemeliharaan

Siaran Akhbar dan Foto: PricewaterhouseCoopers Services

khazanah semula jadi NBD serta pembentukan hala tuju yang jelas bagi masa depan yang lebih bersih dan sihat untuk generasi akan datang.

Xiang Yuin Chai menzahirkan rasa bangga dapat berganding bahu dengan Green Brunei dan JASTRe dalam perkongsian yang

bermakna ini.

"Bersama-sama, kami berhasrat untuk menangani cabaran alam sekitar dan memelihara khazanah semula jadi Brunei. Kerjasama ini membuktikan kekuatan usaha bersama demi masa depan yang lebih bersih dan sihat untuk semua," tambahnya.

Pengendali perkhidmatan pakej umrah ditarik balik serta-merta

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kebenaran bagi Syarikat Ijtihad Travel Sdn. Bhd. yang mengendalikan perkhidmatan pakej umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi tahun 2025 adalah ditarik balik dengan serta-merta.

Dari itu, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang urusan berkaitan pakej umrah dengan Syarikat Ijtihad Travel Sdn. Bhd.

Orang ramai yang berhasrat untuk menunaikan ibadah umrah, bolehlah memilih syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan pakej umrah yang dibenarkan yang mana pada masa ini, sebanyak 37 buah agensi pelancongan memiliki kebenaran untuk mengendalikan perkhidmatan pakej umrah menggunakan Visa Pelancong Arab Saudi bagi tahun 2025 Masihi.



MENGUKUHKAN HUBUNGAN KOMUNITI DIPLOMATIK DENGAN ORGANISASI KEBAJIKAN TEMPATAN



DELEGASI Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang diketuai oleh Kuasa Usaha Sementara (Charge d'Affaires), Kedutaan Diraja Thailand di NBD dialu-alukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SMARTER Brunei yang juga selaku Naib Presiden 1 SMARTER Brunei dan menerima penyampaian sumbangan berkenaan.

Oleh : Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

SUNGAI HANCHING, Rabu, 17 Disember. - Kedutaan Diraja Thailand di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama sektor swasta dan komuniti Thailand di negara ini menganjurkan satu aktiviti sukarelawan sempena memperingati Hari Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Bhumibol Adulyadej The Great, Hari Kebangsaan Kerajaan Thailand serta Hari Bapa Thailand (Thailand's Father's Day).
Acara yang berlangsung di Pusat Autisme SMARTER Brunei untuk Dewasa (B.A.C.A) Kampung Sungai Hanching itu telah menghimpunkan para diplomat, pemimpin perniagaan dan ahli komuniti bagi menyokong usaha salah sebuah organisasi bukan meraih keuntungan utama di negara ini.
Delegasi berkenaan dialu-alukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SMARTER Brunei, Dayang Sharifa Adila Surya binti Malai Haji Abdullah juga selaku Naib Presiden 1 SMARTER Brunei.
Mengetuai delegasi ialah Kuasa Usaha Sementara (Charge d'Affaires), Kedutaan Diraja Thailand di NBD, Kittivudh Pinyowit yang seterusnya menyampaikan sumbangan kepada pihak SMARTER bagi mewakili delegasi berkenaan.
Sebagai tanda semangat perpaduan komuniti yang kukuh, sumbangan berupa makanan dan

snack disumbangkan oleh gabungan rakan kerjasama termasuk Kedutaan Diraja Thailand, Komuniti Thailand di negara ini, Syarikat Hong Guan (Koon Kee) dan Syarikat Chop Kian Chuang (CKC).
Sumbangan ini diagihkan secara sama rata kepada para pelajar serta keluarga masing-masing, sekali gus membawa kegembiraan dan semangat kebersamaan.
Selepas penyampaian sumbangan, delegasi dibawa melawat menyaksikan latihan vokasional yang disediakan kepada para pelajar.
SMARTER Brunei kini menyokong seramai 136 pelajar di dua buah pusatnya, dengan

kemudahan B.A.C.A di Sungai Hanching khususnya menjaga 51 pelajar dewasa (berumur 12 tahun ke atas).
Lawatan tersebut juga mengetengahkan Perusahaan Sosial (SME) aktif SMARTER, termasuk SMARTER Cafe, Shop dan Bakery. Inisiatif-inisiatif ini merupakan teras kepada misi SMARTER bagi memastikan 'tiada sesiapa yang tercicir' melalui penyediaan program Perantisan dan Pekerjaan Terlindung (Apprenticeship and Sheltered Employment Programs).
Melalui SME ini, para pelajar memperoleh kemahiran hidup yang penting seperti membuat biskut, menyediakan makanan dan mengurus operasi runcit, yang memperkasakan mereka untuk menjalani kehidupan yang

produktif, berdikari dan berintegrasi dalam tenaga kerja yang lebih luas.
Dalam pada itu, inisiatif sukarelawan tersebut dihasratkan sebagai memperingati detik-detik penting acara Kebangsaan Thailand di samping mengukuhkan hubungan erat antara komuniti diplomatik dan organisasi kebajikan tempatan di Brunei.
Juga hadir pada acara berkenaan ialah wakil-wakil utama daripada komuniti Thailand, termasuk Kaunselor, Kantaga Buraphatanin; Pegawai Kewangan, Sawitree Kraikaew, serta kakitangan di Kedutaan Diraja Thailand; wakil dari Syarikat Hong Guan (Koon Kee) dan Syarikat Chop Kian Chuang (CKC) serta ahli-ahli Komuniti Thai di NBD.

2 keluarga mangsa kebakaran terima sumbangan



PEMANGKU Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) semasa menyempurnakan penyerahan sumbangan kepada salah seorang penerima.

Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.
Penubuhan YSHHB adalah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli kerabat baginda, sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat, di samping menyumbang kepada pembentukan masyarakat Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.
Selaras dengan hasrat murni penubuhannya, YSHHB sentiasa menzahirkan keprihatinan terhadap golongan yang kurang bernasib baik, termasuk mereka yang terjejas akibat musibah seperti kebakaran rumah.
Sumbangan yang disampaikan ini merupakan bantuan segera yang dihasratkan dapat meringankan beban mangsa serta membantu mereka meneruskan kehidupan seharian.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Disember. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah menyampaikan sumbangan keseluruhannya berjumlah BND8,700 kepada dua buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran di Kampung Sungai Besar dan Kampung Pandan.
Majlis penyampaian sumbangan tersebut telah diadakan di Ibu Pejabat YSHHB, pagi tadi.
Penerima sumbangan berkenaan ialah Awang Zainal Abidin Shahrudin bin Haji Abdullah dari Kampung Sungai Besar dan Awang Haji Muhammad Bakhtiar bin Abdullah SAP @ Lajan Anak SAP dari Kampung Pandan.
Penyampaian sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap di Kementerian

كسترن كصحتن
KEMENTERIAN KESEHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser

No. 1 di kalangan **lelaki** dan
No. 2 di kalangan **wanita**
di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi: 1 dalam 10

1 dalam 5

kanser lelaki

kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari:

<https://moh.gov.bn/>

MEMPERKASA KEUSAHAWANAN BELIA

Berita dan Foto : Rohani Haji Abdul Hamid



PEMANGKU Pengarah Pusat Pembangunan Belia (PPB) hadir menyempurnakan perasmian Majlis Pelancaran YDC Weekend Hype! di PPB (kanan).

TANAH JAMBU, Jumaat, 19 Disember. - Pusat Pembangunan Belia (PPB) dengan kerjasama Aiz Event Management menganjurkan Projek Keusahawan YDC Weekend Hype! bersempena cuti sekolah penggal akhir tahun 2025 yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 21 Disember 2025 di Pusat Pembangunan Belia (PPB), di sini. Sehubungan itu, Majlis Pelancaran YDC Weekend Hype! telah disempurnakan oleh Pemangku Pengarah PPB, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Projek yang berkonsepkan Pop-Up Market bertujuan untuk membantu memperkasakan keusahawanan belia serta mendekatkan orang ramai dengan peranan dan fungsi pusat sebagai sebuah institusi latihan kemahiran Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sebanyak 50 vendor yang terdiri daripada pelatih program Pembangunan Belia sesi 2025

PROJEK berkenaan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti sampingan seperti pertandingan dart dan persembahan kawad dari pelatih PPB (atas kiri dan kiri).



Alumni Program YDC Light's On dan alumni para usahawan belia di NBD serta vendor *pop-up* secara individu dan berkumpulan.

Di antara kategori jualan termasuk jualan makanan dan minuman (F&B), produk seni kreatif, aksesori, *apparel* dan bermacam-macam lagi.

Bagi memeriahkan lagi acara tersebut, pelbagai aktiviti sampingan disediakan termasuk perkumpulan kelab-kelab kereta dan pelepasan konvoi dan persembahan kawad dari pelatih dari PPB, Pertandingan Dart dan Persembahan Pentas artis tempatan Junior Prince serta Resonation Band, pameran binatang reptilia, Dare or Not Escape Challenge, dan permainan

go-kart.

Acara cabutan bertuah turut diadakan sepanjang acara, di mana pelanggan yang berbelanja sebanyak BND10 ke atas di mana-mana vendor akan layak menerima satu kupon cabutan bertuah. Pemenang-pemenang bertuah akan berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik termasuk telefon bimbit.

Melalui sokongan para pengunjung, dihasratkan platform keusahawanan belia yang dianjurkan Kementerian berkenaan melalui PPB akan terus berfungsi sebagai platform strategik dalam memperkukuhkan lagi ekosistem keusahawanan belia serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi di NBD.

Yum Festival perkenalkan produk pengusaha tempatan

Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Disember. - Dalam sama-sama menyemarakkan Festival Disember Brunei (BDF) 2025, The One turut tidak ketinggalan mengadakan sebuah acara iaitu Yum Festival, bertempat di The One Mall, Batu Satu bermula hari ini sehingga 21 Disember nanti.

Kemeriahan acara itu telah menampilkan penyertaan lebih 10 vendor tempatan yang merangkumi produk makanan dan minuman serta perkhidmatan di bawah satu bumbung.

Ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei, Awang Danny Wong dan Dayang Rahimah selaku Bahagian Pemasaran bagi festival berkenaan antaranya mengongsikan, acara berkenaan sememangnya satu platform yang mampu menyatukan

para pengunjung untuk menikmati pelbagai jualan kulineri bercita rasa tradisi dan juga antarabangsa sekali gus dalam usaha untuk menyokong para pengusaha tempatan.

Festival berkenaan turut diserikan dengan adanya dua jenis bengkel iaitu bengkel seni melukis yang dikendalikan oleh Happy Brushes Studio; dan bengkel 'Clay Sculpting' yang diketengahkan oleh Potheccarry.co.

Dengan adanya penganjuran festival yang dibukakan untuk kunjungan orang ramai bermula jam 10 pagi hingga 9 malam ini, ia bukan saja dihasrat untuk memperkenalkan produk-produk pengusaha tempatan, bahkan juga bertujuan agar dapat memberikan pilihan destinasi kepada semua lapisan masyarakat di negara ini

untuk bersantai dan berbelanja di dalam negara lebih-lebih lagi semasa musim cuti hujung tahun ini.

FESTIVAL mengetengahkan jualan kulineri bercita rasa tradisi dan juga antarabangsa.



AWANG Danny Wong dan Dayang Rahimah selaku Bahagian Pemasaran bagi festival berkenaan (baris hadapan dari kanan).

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Memerangi Rasuah Dari Akar Umbi'. Tarikh Tutup : 24 Disember 2025
2. 'Memperkasa Komuniti OKU: Membangun Masyarakat Inklusif'. Tarikh Tutup : 31 Disember 2025
3. 'Penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Pendidikan'. Tarikh Tutup : 7 Januari 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



SILA IMBAS UNTUK
KHUTBAH LENGKAP

MERAIH PAHALA BERTERUSAN DENGAN BERWAKAF

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 28 Jamadilakhir 1447H / 19 Disember 2025M



ANTARA INTISARI & PENGAJARAN YANG KITA DAPAT PELAJARI DARIPADA KHUTBAH:

1.

GANJARAN MEMBELANJAKAN HARTA PADA JALAN ALLAH S.W.T

Membelanjakan harta yang disayangi pada jalan Allah S.W.T adalah antara cara untuk memperoleh kebajikan yang sempurna, iaitu ganjaran syurga, rahmat dan reda Allah serta selamat daripada azab-Nya

2.

BERSEDEKAH: PERKARA YANG DITUNTUT

Umat Islam dituntut untuk sentiasa mengutamakan kaum keluarga terdekat dalam bersedekah kerana ia merupakan amalan yang mulia dan sangat terpuji

3.

ALLAH MAHA MENGETAHUI SETIAP SESUATU

Allah S.W.T Maha Mengetahui setiap amalan yang dikerjakan oleh hamba-hamba-Nya

4.

AMALAN BERWAKAF SANGAT BESAR MANFAATNYA KEPADA MASYARAKAT

Pewakaf sentiasa menerima pahala amalannya selagi benda yang diwakafkan tersebut masih dapat dimanfaatkan oleh orang ramai dan ganjaran tersebut akan sentiasa mengalir diterima oleh pewakaf walaupun dia telah meninggal dunia

5.

PERINGATAN BAGI KITA SEMUA

Orang-orang yang bersedekah, berwakaf dan membelanjakan hartanya untuk orang lain bukan sahaja dapat menghindarkan dirinya dari sifat kebakhilan, bahkan juga dapat menyelamatkan dirinya dari seksa api neraka



Meraih pahala berterusan dengan berwakaf

(yang sempurna) hingga kamu menafkahkan sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan itu maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya".

Melalui ayat ini, Allah Subhanahu Wata'ala menjelaskan kepada orang-orang yang beriman bahawa mereka tidak akan memperoleh hakikat kebajikan yang sempurna dan pahala, iaitu syurga, rahmat dan reda Allah Subhanahu Wata'ala serta selamat daripada azab-Nya melainkan mereka membelanjakan harta yang mereka sayangi pada jalan Allah dengan penuh keikhlasan.

Amalan membelanjakan harta yang disayangi pada jalan Allah Subhanahu Wata'ala sering dilakukan oleh para sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Diceritakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, dia berkata : "Abu Talhah adalah orang yang paling banyak hartanya di antara orang-orang Ansar di Madinah. Harta yang paling disayangnya ialah Bairuha iaitu sebuah kebun di Madinah yang terletak berhadapan dengan masjid dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memasuki kebun itu serta meminum air yang baik di dalamnya". Abu Talhah berkata : "Wahai Rasulullah! Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam kitabnya : tafsirnya : "Kamu sekali-kali tidak akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan (yang sempurna dan pahala masuk syurga) hingga kamu membelanjakan daripada apa yang kamu sayangi" dan sesungguhnya harta kekayaanku yang paling aku sayangi ialah Bairuha dan aku ingin membelanjakannya dengan harapan mendapatkan kebajikan dan ganjaran pahala di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Maka manfaatkanlah kebunku itu, wahai Rasulullah mengikut kehendakmu". Kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Bagus. Itu adalah harta yang menguntungkan. Itu adalah harta yang menguntungkan. Sesungguhnya aku telah mendengar apa-apa yang engkau katakan mengenainya. Aku berpendapat adalah lebih baik supaya kebun itu engkau sedekahkan kepada kerabatmu".

Abu Talhah berkata : "Aku akan laksanakannya, wahai Rasulullah! Kemudian Abu Talhah membahagikannya kepada kerabat dan anak bapa saudaranya".

Antara inti sari dan pengajaran

yang dapat kita pelajari daripada ayat Al-Quran dan hadis tersebut adalah :

Pertama : Membelanjakan harta yang disayangi pada jalan Allah Subhanahu Wata'ala adalah antara cara untuk memperoleh kebajikan yang sempurna, iaitu ganjaran syurga, rahmat dan reda Allah serta selamat daripada azab-Nya.

Kedua : Umat Islam dituntut untuk sentiasa mengutamakan kaum keluarga terdekat dalam bersedekah kerana ia merupakan amalan yang mulia dan sangat terpuji.

Ketiga : Allah Subhanahu Wata'ala Maha Mengetahui setiap amalan yang dikerjakan oleh hamba-hamba-Nya.

Amalan berwakaf sangat besar manfaatnya kepada masyarakat. Harta atau benda yang diwakafkan hendaklah sesuatu yang boleh diambil manfaat daripadanya untuk digunakan di jalan kebaikan, sesuatu yang tetap dan tidak mudah binasa seperti rumah, tanah, kenderaan, peralatan buku dan sebagainya. Oleh itu, tidak sah berwakaf dengan sesuatu yang jika diambil manfaat daripadanya maka sesuatu harta atau benda itu akan berkurang atau habis seperti makanan untuk dimakan dan sebagainya.

Selain itu, harga atau benda yang telah diwakafkan itu tidak boleh ditukar niat, dijual, diwarisi, dihadiahkan, dipindah milik, diberikan kepada pihak lain atau dipindahkan ke tempat lain. Barang wakaf adalah salah satu rukun daripada rukun-rukun wakaf. Apabila suatu barang itu diwakafkan kepada penerima wakaf, maka hak milik ke atas barang wakaf berpindah daripada milik pewakaf kepada milik Allah Subhanahu Wata'ala. Ini bermakna hak bertindak ke atas barang wakaf dan mengambil manfaatnya tidak lagi dimiliki oleh pewakaf.

Hukum berwakaf ialah sunat dan ganjaran pahala daripada amalan berwakaf sangatlah besar kerana si pewakaf sentiasa menerima pahala amalannya selagi benda yang diwakafkan tersebut masih dapat dimanfaatkan oleh orang ramai dan ganjaran tersebut akan sentiasa mengalir diterima oleh si pewakaf walaupun dia telah meninggal dunia. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kedua orang tuanya". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Alhamdulillah, kesedaran untuk berwakaf semakin meningkat, semakin ramai orang yang berwakaf untuk kemudahan masyarakat, sama ada kemudahan tersebut untuk kegunaan di sekolah, di tempat awam, di masjid dan sebagainya. Contohnya di masjid, antara harta benda yang sering diwakafkan ialah harta alih iaitu harta benda yang boleh dipindahkan seperti Al-Quran, kitab-kitab Yaa Siin, buku-buku zikir, komputer, kereta jenazah, kerusi meja, alat pendingin udara dan sebagainya. Tidak kurang juga ada yang berwakaf harta tidak alih iaitu harta benda yang tidak boleh dipindahkan dari tempat asalnya seperti tanah untuk dibangunkan masjid, sekolah dan sebagainya.

Perlu diingat, sebagai pengguna kita hendaklah berhati-hati semasa menggunakan barang-barang wakaf dan memeliharanya dengan baik supaya manfaat barang-barang wakaf itu dapat bertahan lama dan dapat digunakan oleh semua orang dan orang yang berwakaf pula akan dapat ganjaran pahala secara berterusan.

Memandangkan membelanjakan harta di jalan Allah Subhanahu Wata'ala itu sesuatu yang digalakkan oleh agama kita dan sangat besar faedah kepada umat manusia dan pahalanya juga besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, maka sangat rugilah bagi mereka yang mempunyai kemampuan dan kelebihan jika tidak merebut peluang demikian kerana ketika di dunia inilah sahaja tempat untuk menyemai pahala dan akan dituai hasilnya di akhirat kelak.

Ingatlah bahawa orang-orang yang bersedekah, berwakaf, membelanjakan hartanya untuk orang lain bukan sahaja dapat menghindarkan dirinya daripada sifat kebakhilan, bahkan juga dapat menyelamatkan dirinya daripada seksa api neraka. Mereka itulah orang-orang yang berbahagia. Akhirnya, marilah kita berdoa semoga kita mendapat rezeki yang halal dan baik agar dengan nikmat tersebut kita dapat menggunakannya ke arah jalan yang berkebajikan dan bagi mendapat rahmat serta berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Tafsirnya : "Dan neraka itu akan dijauhkan daripada orang yang bertakwa. Yang memberikan hartanya untuk mensucikannya : Padahal tiada siapa pun yang memberi nikmat kepadanya sehingga patut dibalasnya. Melainkan kerana hanya mencari keredaan Tuhannya yang Maha Tinggi. Dan dia tetap akan reda (mendapat kepuasan dengan ganjaran syurga)". (Surah Al-Layl, ayat 18-21)

Manfaatkan cuti sekolah bersama Nuqra STEMtastic



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Disember. - Nuqra Math Learning Centre dengan jayanya telah menganjurkan Final Program Cuti Sekolah: Nuqra STEMtastic, sebuah program pembelajaran berkonsepkan STEM (Science, Technology, Engineering & Mathematics) yang direka khas untuk mengisi cuti sekolah

kanak-kanak dengan aktiviti yang menyeronokkan dan bermanfaat.

Program selama dua hari bermula 15 dan 16 Disember 2025 ini menampilkan pelbagai aktiviti interaktif dan *hands-on* seperti Grow a Garden, Balloon Car, Slime Math, Coding Math dan Zombie Math.

Setiap aktiviti dirancang secara

hands-on bagi membantu peserta memahami konsep asas STEM melalui pengalaman sebenar, kerja berpasukan serta penyelesaian masalah secara kreatif dalam suasana pembelajaran yang menyeronokkan.

"Alhamdulillah, Program Nuqra STEMtastic sangat bermanfaat untuk anak-anak. Mereka sampai



FINAL Program Cuti Sekolah: Nuqra STEMtastic anjuran Nuqra Math Learning Centre telah berlangsung selama dua hari dengan pelbagai aktiviti interaktif (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Nuqra Math Learning Centre

tidak sabar menunggu Hari Kedua. Apabila pulang ke rumah pun, mereka tidak berhenti bercerita tentang aktiviti yang telah dijalankan," kongsi salah seorang ibu bapa pelajar.

Kejayaan penganjuran Nuqra STEMtastic ini mengukuhkan lagi

komitmen Nuqra Math Learning Centre dalam menyediakan program pendidikan yang inovatif dan berimpak, selari dengan usaha melahirkan generasi kanak-kanak yang lebih yakin, kreatif dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

UNISSA SEMARAKKAN HARI BAHASA ARAB SEDUNIA



DEKAN Fakulti Bahasa Arab, Universiti Islam Sultan Sharif Ali hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta (kanan dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Disember. - Fakulti Bahasa Arab (FBA), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Majlis Pembukaan Mahrajan (Karnival) Bahasa Arab 2025 sempena Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Dekan FBA, UNISSA, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Abdullah.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Ketua Unit Keugamaan Badan Pelajar FBA, diikuti ucapan alu-aluan oleh tetamu kehormat

majlis.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video Pertandingan Animasi Bahasa Arab serta penyampaian ulasan oleh pihak hakim dan diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan serta penyampaian sijil penyertaan kepada para peserta.

Mahrajan Bahasa Arab 2025 ini akan berlangsung selama lebih sebulan dan diisi dengan pelbagai pertandingan serta aktiviti yang terbuka kepada orang awam,



pelajar sekolah dan mahasiswa-mahasiswi universiti di peringkat serantau, bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia.

Acara seperti ini diharapkan agar dapat menjadi platform berterusan dalam memperkukuh penghayatan dan penguasaan bahasa Arab di samping memupuk

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

minat masyarakat pelbagai Arab sebagai bahasa ilmu, peringkat terhadap keindahan budaya dan tamadun serta kepentingan bahasa sejagat.

Amalan berbelanja berhemat menjamin kestabilan kewangan



SALAH satu faedah utama berbelanja secara berhemat ialah dapat membuat simpanan untuk masa hadapan kita, bersiap sedia dalam menghadapi situasi kecemasan.

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BELAIT, Rabu, 17 Disember. - Amalan berbelanja secara berhemat amat penting dalam menjalani kehidupan seharian kita. Amalan ini bukan sahaja membantu seseorang untuk

mengurus kewangan dengan lebih baik dan bijak, malah ia juga dapat membentuk peribadi yang bertanggungjawab dan berdisiplin. Berbelanja secara berhemat bermaksud menggunakan wang

dengan bijak serta mengutamakan keperluan berbanding kehendak.

Salah satu faedah utama berbelanja secara berhemat ialah dapat membuat simpanan untuk masa hadapan kita. Dengan menyimpan sebahagian daripada wang yang dimiliki, kita dapat bersiap sedia dalam menghadapi situasi kecemasan seperti keperluan mendadak atau pun apabila ditimpa musibah atau masalah yang memerlukan kewangan.

Mempunyai simpanan juga penting untuk mencapai matlamat jangka panjang seperti membantu keluarga yang memerlukan, persediaan anak-anak yang bakal melanjutkan pelajaran mereka di peringkat yang lebih tinggi dan membeli tanah atau rumah jika simpanan mencukupi.

Selain itu, berbelanja secara berhemat juga mengajar kita untuk membeli barang keperluan sahaja. Seperti misalnya, membeli makanan dan minuman, pakaian dan peralatan yang benar-benar diperlukan dalam menjalani kehidupan seharian kita.

Sikap membeli barangan mewah yang lebih daripada bajet yang kita punyai atau pun mengikut trend tanpa keperluan hanya akan membazirkan wang. Oleh itu, kita perlu membuat perancangan dalam setiap perbelanjaan dengan membuat senarai sebelum membeli-belah bagi mengelakkan pembelian yang tidak perlu.

Pada kesimpulannya, berbelanja secara berhemat merupakan amalan yang sangat penting dan wajar diamalkan oleh semua lapisan masyarakat. Sikap ini membantu kita menabung untuk simpanan serta mengelakkan pembaziran dengan membeli hanya keperluan. Kehidupan kita akan menjadi lebih stabil jika kita bijak mengurus kewangan.

BNBashers komited mengembangkan arena E-Sukan tempatan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

SUNGAI HANCHING, Khamis, 18 Disember. - Persatuan BNBashers, sebuah pertubuhan baharu yang mengendalikan acara permainan video jenis pertarungan menggunakan konsol PlayStation 5, semakin menyerlah dalam arena E-Sukan tempatan.

Menurut Awangku Muhd. Zahwan bin Pengiran Haji Azhar, salah seorang pengasas persatuan, BNBashers ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2024 hasil iltizam sekumpulan peminat yang ingin membangunkan komuniti secara lebih teratur.

"Sebelum ini, kami juga pernah mengadakan beberapa pertandingan, dan akhirnya saya bersama empat lagi pengasas bersama bertekad untuk menjadikan BNBashers sebagai sebuah persatuan," katanya.

Sehingga kini, jelasnya, persatuan berkenaan mempunyai sepuluh ahli aktif yang mengendalikan pelbagai acara.

Acara terkini anjuran persatuan itu ialah 'One City 2nd Gaming Weekend', yang berlangsung dari 18 hingga 21 Disember, di OneCity Shopping Centre dan menampilkan permainan popular, Tekken 8.

Pada 18 hingga 19 Disember, orang ramai berpeluang mencuba permainan tersebut secara percuma dari jam 10 pagi hingga 9 malam di dua stesen yang disediakan.

Manakala pada 20 hingga 21 Disember, pertandingan utama akan diadakan dengan dua kategori dipertandingkan, iaitu 'Intermediate Division' bagi pemain yang belum pernah memenangi pertandingan Tekken 8, serta '3v3 Division', iaitu pertandingan berpasukan.

Jelasnya, penyertaan bagi pertandingan berkenaan masih lagi dibukakan dengan harga bayaran sebanyak BND10 hingga BND15 bagi setiap pemain.

Semasa ditemu bual mengenai hala tuju masa hadapan BNBashers, Awangku Muhd. Zahwan menyuarakan aspirasi untuk mengembangkan skala acara ke peringkat yang lebih besar, dengan harapan dapat menarik penyertaan pemain dari luar negara.

Maklumat lanjut mengenai aktiviti BNBashers boleh diperolehi dengan mengikuti akaun Instagram mereka di @bnbashers atau menghubungi terus talian +673 7292778.



'ONE City 2nd Gaming Weekend' berlangsung dari 18 hingga 21 Disember, di OneCity Shopping Centre.




**JABATAN IMIGRESEN DAN
PENDAFTARAN KEBANGSAAN**

Bilangan Tawaran:
IMMB / 21 / 2025

Tajuk Tawaran:
Tawaran Penyediaan Mesin Layan
Diri (Vending Machine) Makanan
dan Minuman Di Jabatan Imigresen
dan Pendaftaran Kebangsaan

Tarikh Tutup:
Rabu, 24 Disember 2025


**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 53

Tajuk Tawaran:
Health, Safety And Environment
(HSE) Training For Tourism
Service Providers

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 27 Januari 2026
Jam 2.00 Petang


**PUSAT PEKERJAAN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**


Bilangan Tawaran:
PPB / CIU / IT / 33

Tajuk Tawaran:
The Supply And Renewal Of
Associated Software Licenses
And Subscriptions For Pusat
Pekerjaan Brunei (PPB)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar
melalui BIBD Online)

Tarikh Buka Tawaran:
Rabu, 10 Disember 2025

Tarikh Tutup:
Rabu,


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA /
GEN / 003 (QS)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (QS)]
Quantity Surveyor Consultancy
Services For The Proposed Airstrip
For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by
Practicing Certificate issued by
BAPEQS at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability
Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang
Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026 (Selasa)
2.00 petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA /
GEN / 003 (ARCH)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (ARCH)]
Architect Consultancy Services For
The Proposed Airstrip For Royal
Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by
Practicing Certificate issued by
BAPEQS at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability
Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND1,000.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang
Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026 (Selasa)
2.00 petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA /
GEN / 003 (M&E)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (M&E)]
Mechanical & Electrical Consultancy
Services For The Proposed Airstrip
For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by
Practicing Certificate issued by
BAPEQS at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability
Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026 (Selasa)
2.00 petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU / TA /
GEN / 003 (C&S)
[JPPK / LTN / 11 / 2025 (C&S)]
Civil & Structural Consultancy
Services For The Proposed Airstrip
For Royal Brunei Armed Forces

Tarikh Mula Tawaran:
15 Disember 2025

Syarat Penyertaan:
A Qualified Person Authorised by
Practicing Certificate issued by
BAPEQS at Ministry of Development

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sehingga Penyiapan Defects Liability
Period (DLP) bagi Projek Pembinaan

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
pada **Selasa, 20 Januari 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
27 Januari 2026 (Selasa)
2.00 petang


**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Notis Pemberitahuan
Mahkamah Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam**

Pejabat Pendaftaran Waris ingin
memohon kerjasama Pentadbir
atau Ahli-ahli Waris bagi
Allahyarham / Mendiang
di bawah supaya akan
dapat hadir ke Mahkamah Besar
Sivil bagi tujuan
penyelarasan pembayaran:

1. Han Cheow Kwang – Meninggal dunia pada 6 Januari 2016.
2. Hajah Hazizah binti Haji Abd Hamid – Meninggal dunia pada 24 Februari 2016.
3. Siti Norjariah binti Awang Haji Tengah – Meninggal dunia pada 3 Oktober 2017

Semua pihak yang berkenaan
diminta hadir pada bila-bila masa



sebelum Tarikh 31 Disember 2025.

Kehadiran adalah penting bagi
memastikan proses penyelarasan
dapat dilakukan dengan teratur
dan mengikut ketetapan
undang-undang.

Tarikh : 18 November 2025

**Hajah Hazarena Binti POKSJD
Haji Abu Hurairah
Pemangku Pegawai Waris
Mahkamah Besar Sivil
Bandar Seri Begawan.**


**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN**

1. Bilangan Tawaran :
KUPU SB / LTK / BHEP / 01 – 12 /
2025 - 2026
Tawaran Penyajian Makan dan
Minum Asrama Kolej Universiti
Perguruan Ugama Seri Begawan
Bagi Tempoh Tiga (03) Tahun

Tarikh Tutup:
Selasa, 9 Rejab 1447H /
30 Disember 2025M


**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

1. Bilangan Sebut Harga:
(152) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Lima (5) Buah Kenderaan BG
Jabatan Penerangan.

2. Bilangan Sebut Harga:
(153) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Kenderaan BG Jabatan
Penerangan Mitsubishi Pajero
Sport - BG 4981.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Rabu,
24 Disember 2025
Jam 8.00 Pagi


KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**School Enterprise Resource
Planning (ERP) System**

**MOE / LTK / 55 / 2025 / 2026
(ICT-DISEMBER-2025)**
School Enterprise Resource
Planning (ERP) System

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND2,005.00
[Bayaran Yuran Tawaran Sebanyak
BND2,000.00 Dan E-Dokumen
Sebanyak BND5.00
Tidak Dikembalikan]

Tarikh Hari Maklumat:
3 Januari 2026
(Sabtu)

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
10 Januari 2026 (Sabtu)
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Dan Waktu:
31 Mac 2026 – Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]





**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

Rujukan Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BHEK / Q / 2025 - 36
Pembekalan Heavy Duty Rain Jacket & Pants With Reflector, Heavy Duty Long Raincoat With Reflector Dan Automatic Inflatable Life Jacket Untuk Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 Disember 2025



Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPA / BHEK / Q / 2025 - 38
Pembekalan dan Pemasangan Queue Management System (QMS) Di Pos Kawalan Pejabat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Pejabat Pos Airport Lama, Berakas, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa, 23 Disember 2025



Rujukan Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BHEK / Q / 2025 - 37
Pembekalan Kasut Seragam Untuk Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 Disember 2025



Rujukan Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BHEK / Q / 2025 - 34
Pembekalan Barang-Barang Alat Tulis dan Perkakasan Bagi Kegunaan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
23 Disember 2025



Rujukan Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BHEK / Q / 2025 - 35
Pembekalan Perabot-Perabot Pejabat Untuk Kegunaan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa,
23 Disember 2025



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk Memberi Sebut Harga Jabatan Perkhidmatan Elektrik Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 111 / 2025

Tajuk Tawaran :
Selective Inspection Of Transmission Overhead Lines (Conductors, Towers, Etc.) And Wayleave Corridors Using Unmanned Aerial Vehicles (UAVS)

Tarikh Tutup:
20 Januari 2026
(Selasa 2.00 Petang)

Harga Dokumen:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Lobi Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Mempunyai Pendaftaran Syarikat Dengan Kementerian Pembangunan Dalam ROCBN

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Kaunter Unit Tawaran dan Sebut harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.



Notis Tawaran Jualan Lelong Secara Sebut Harga

JPE / AMSF / AUC / 02 / 25
Empat Unit HVAC dan Aksesori

Dokumen Tawaran:
Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

+673 2387000 sambungan 216
- Pengambilan Borang Tawaran

3551 - Tempahan Jadual Lawatan

Pada hari dan waktu bekerja
Isnin - Khamis & Sabtu
8.00 - 11.30 (sebelah pagi)
1.30 - 3.00 (sebelah petang)

Harga Borang BND10.00
Tarikh Dibukakan Isnin,
1 Disember 2025

Penyerahan Dokumen:
Peti Tawaran Lobi, Bahagian Pengurusan Aset dan Kemudahan Penyimpanan, Stor Utama Gadong, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jalan Pengiran Babu Raja

Tarikh Tutup:
Rabu,
31 Disember 2025
Jam 3.00 Petang

Tarikh dan Tempat Lawatan:
Pada hari dan waktu bekerja
Isnin - Khamis & Sabtu
9.00 - 11.00 sebelah Pagi sahaja

Bertempat:
Bangunan Pejabat Stesen Janakuasa Gadong 2
Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Batu Bersurat



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(III & IV Sahaja)

Kategori:
[KA01 & M03 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
16 Disember 2025
(Selasa)

Tarikh Tutup:
23 Disember 2025
(Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 046 / 2025

Nama Projek :
Penambahbaikan Rangkaian Sistem Paip Air Utama dan Tangki-Tangki Air Bagi Semua Daerah:
Kerja-Kerja Reka Bentuk dan Pemasangan Sistem Mitigasi Gangguan Alternating Current (AC) Bagi Paip-Paip Utama Sepanjang Lebuh Raya Muara - Tutong – Kajian Model Mitigasi Gangguan Alternating (AC) Bagi Paip Air Utama Bukit Baru Peringkat 7 (Fasa 1)

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V (IV & V) Sahaja

Kategori:
KA01, M03 & E03 Sahaja
– Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 033 / 2025 –
(CDE).T.V

Nama Projek:
Menaiktaraf Stesen Pam Jalan Jerambak Fasa 3 (Design And Build)

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
30 Disember 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Januari 2026
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V & VI Sahaja

Kategori:
[KA01]

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:
17 Disember 2025

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
6 Januari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
13 Januari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRC 37 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaik Pulih 'Airfield Pavement' Di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei – Fasa II – "Construction Of Southern Parallel Taxiway (SPT)"

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen:
Tidak Ada



TAKLIMAT TERAPKAN KESEDARAN ANCAMAN JENAYAH SIBER

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei



PEGAWAI Bahagian Siasatan Jenayah Siber, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei semasa menyampaikan taklimat mengenai penipuan dalam talian (atas kiri dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Disember. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) terus aktif dalam menyebarkan maklumat mengenai kesedaran jenayah siber yang semakin menular.

Salah satu inisiatif yang dilakukan adalah melalui taklimat yang diberikan kepada beberapa agensi kerajaan, agensi swasta

dan sekolah-sekolah.

BSJS PPDB baru-baru ini telah menyampaikan taklimat mengenai penipuan dalam talian bertempat di The Rizqun International Hotel, The Mall Gadong, kepada 60 Ahli Pengawasan Kejurangan yang terdiri daripada Yang Berhormat, Penghulu - penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung serta sekuriti dan Ahli-ahli Premis Perniagaan The Mall Gadong.

Satu lagi taklimat yang sama

diadakan pada Rabu, 17 Disember 2025 kepada kakitangan Syarikat VAM BRN Sdn. Bhd., Jalan Muara yang terdiri daripada 77 pegawai dan kakitangan syarikat tersebut.

Kedua-dua taklimat telah disampaikan oleh Pegawai BSJS, Jabatan Siasatan Jenayah, PPDB, Ketua Inspektor Adinin bin Haji Ahmad.

Peserta yang hadir telah diberikan saranan dan penekanan untuk tidak mengongsikan

sebarang maklumat peribadi ke mana-mana platform aplikasi media sosial dan sentiasa

berwaspada dalam mengharungi era digital yang semakin canggih dan mencabar.

Syarikat dikompaun kerana buang sampah di tempat awam



SYARIKAT berkenaan didapati melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021 (Penggagal 30).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Khamis, 18 Disember. - Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong (JDT) telah mengeluarkan kompaun terhadap sebuah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian 2021 (Penggagal 30).

Syarikat Shun Wei Co Sendirian Berhad melakukan kesalahan tersebut di Lot : 21948 Kampung Layong, Mukim Lamunin, Tutong, di bawah Bab 12 (1) (a) dan dikenakan denda sebanyak BND2,000.

Sehubungan dengan itu, orang ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian (Penggagal 30) seperti gambar yang dipaparkan.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat berkenaan boleh dihadapkan ke mahkamah.

Jika sabit kesalahan, syarikat boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND2,000 dan tidak melebihi BND10,000; manakala bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000; dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan, atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, JDT, ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

Operasi Waspada kesan 3 kesalahan



OPERASI Waspada 240/2025 yang dijalankan baru-baru ini oleh Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh Cawangan Daerah Belait telah mendapati sebanyak tiga kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BELAIT, Khamis, 18 Disember. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh

Cawangan Daerah Belait telah menjalankan Operasi Waspada 240/2025 di Jalan Jaya Negara, Kuala Belait pada 17 Disember 2025 bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Jabatan Buruh melalui pemeriksaan yang dijalankan ke atas sebuah Kedai Makan Segera baru-baru ini telah mendapati sebanyak tiga kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan

terhadap sejumlah empat pekerja.

Kesalahan-kesalahan tersebut adalah Bab 64 Bekerja pada hari rehat; Bab 70 Gagal memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang diwartakan dan Bab 112 (2) Kesalahan melanggar syarat-syarat lesen pengambilan pekerja asing, iaitu seorang yang berjawatan buruh membuat pekerjaan juruwang.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti pembayaran gaji tepat pada waktunya, memberikan cuti pada hari kelepasan awam yang telah diwartakan, memberikan cuti sakit yang disahkan oleh pengamal perubatan dan memberikan hak cuti tahunan kepada pekerja serta membiayai tiket balik pekerja yang sudah tamat kontrak perkhidmatan.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

IKLAN

DynamicsGrow, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. Hubungi kami +6738265111 untuk pertanyaan lanjut.

OPERASI STARBURN PATAHKAN SINDIKET PENYALAHGUNAAN, PENGEDARAN DADAH



SEKITAR pada Operasi STARBURN yang dilaksanakan oleh Biro Kawalan Narkotik (atas dan atas kanan). Manakala gambar bawah kanan, antara barang kesalahan yang didapati pada operasi berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BELAIT, Khamis, 18 Disember. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah menjalankan Operasi STARBURN dan berjaya menahan sembilan orang tangkapan dalam lingkungan umur 23 hingga 74 tahun kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah di lokasi yang berasingan di Daerah Belait, baru-baru ini.

Terdahulu, pada 9 Disember 2025, pihak BKN telah menerima tiga orang tangkapan daripada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), yang mana salah seorang

daripada tangkapan tersebut merupakan suspek bagi Operasi STARBURN.

Hasil operasi ini telah merampas dua jenis dadah terkawal iaitu 1.90 gram (g) Syabu dan 6.09g Ketamine serta beberapa alat perkakas untuk menyalahgunakan dadah.

Seorang tangkapan telah ditahan di Pos Kawalan Sungai Tujoh, Daerah Belait kerana didapati menyeludup dadah masuk ke negara ini dan akan disiasat di bawah Seksyen 5, Akta

Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan membawa masuk dadah terkawal ke Negara Brunei Darussalam.

Manakala dua orang tangkapan dalam operasi ini telah dihadapkan ke mahkamah bagi kes-kes terdahulu di bawah Seksyen 6(b), Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 iaitu kesalahan memakan dadah terkawal dan masing-masing telah dijatuhkan hukuman tiga tahun dan tiga bulan penjara dan tiga tahun dan enam bulan penjara.

Operasi STARBURN ini adalah salah satu usaha BKN yang berterusan bagi pembasmian kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah di kawasan berek kerajaan yang disalahgunakan sebagai tempat *hotspot* jenayah dadah di Daerah Belait.

Melalui operasi ini, BKN juga telah bekerjasama dengan enam buah agensi termasuk PPDB dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, bagi menjalankan operasi bersepadu dengan memperketatkan lagi pemeriksaan di pintu masuk negara di Pos Kawalan Sungai Tujoh, mengadakan dua sekatan jalan raya di kawasan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Mumong dan Jalan Dipa Negara dan juga sekatan di Sungai Belait.

Dalam kesempatan ini, BKN ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada agensi-agensi yang terlibat serta pihak awam yang memberikan



kerjasama dan bantuan yang berterusan dalam menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan Operasi STARBURN.



Dynamik Technologies hulur sumbangan kepada pelajar kurang berkemampuan



SESI bergambar ramai pada majlis tersebut yang diadakan di Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi (D&T), Kampung Anggerek Desa.

Siaran Akhbar dan Foto : Dynamik Technologies Sendirian Berhad

BERAKAS, Jumaat, 19 Disember. - Dynamik Technologies menyampaikan sumbangan derma berupa kelengkapan asas persekolahan kepada para pelajar kurang berkemampuan di Daerah Brunei dan Muara, pada majlis yang diadakan di Bangunan Reka

Bentuk dan Teknologi (D&T), Kampung Anggerek Desa.

Sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada program Tanggungjawab Sosial Korporat Dynamik Technologies, Dynamik Prihatin.

Sumbangan telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif

Interim Dynamik Technologies, Dayang Fatin Nabeela binti Haji Mohd. Fadzil, bersama ketua kewangannya, Rachel Chew.

Inisiatif ini dapat direalisasikan hasil sumbangan kolektif dari Dynamik Technologies dan para pekerjaannya, yang mencerminkan sokongan berterusan syarikat terhadap pendidikan dan kesejahteraan komuniti.




PENYAKIT KARDIOVASKULAR

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM: penyakit kardiovaskular adalah penyebab kematian yang ke-2 tertinggi

FAKTOR RISIKO

- Peningkatan umur
- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit kardiovaskular
- Tidak aktif secara fizikal
- Mengamalkan pemakanan yang tidak sihat
- Merokok
- Meminum alkohol yang berlebihan
- Obes
- Tekanan darah tinggi
- Mempunyai paras kolesterol yang tinggi dalam darah
- Diabetis (kencing manis)
- Stres

TANDA-TANDA PENYAKIT

- Sesak nafas
- Sakit dada yang menekan-nekan bermula di bahagian tengah atau kiri dada dan biasanya merebak ke lengan kiri dan leher
- Sakit mencengkam sehingga boleh menyebabkan pitam atau pengsan
- Berpeluh dingin
- Berasa sejuk walaupun suhu persekitaran panas
- Pening kepala dan berasa loya
- Kebas
- Kerap kencing malam
- Haus / dahaga
- Penglihatan kabur
- Jantung berdebar

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.

LANGKAH PENCEGAHAN

 Tidak merokok
  Ketahui tekanan darah anda
  Mengekalkan berat badan yang sihat
  Meningkatkan aktiviti fizikal

 Kawal paras kolesterol dan gula dalam darah anda
  Amalkan pemakanan sihat. Kurangkan makanan tinggi garam, lemak dan gula
  Tangani stres dengan bijak
  Elakkan meminum minuman keras

"Fahami risiko anda"

Sila imbas untuk mendaftar program pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular



SENTIASA BERTIMBANG RASA, PATUHI ARAHAN SEMASA MERENTAS SEMPADAN



SIKAP bertimbang rasa dan toleransi sesama pengguna jalan raya amat diperlukan demi keselamatan bersama. Para pemandu diingatkan agar tidak memotong barisan, memandu secara melulu atau melanggar undang-undang jalan raya meskipun terpaksa berhadapan dengan kelewatan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, berlangsung. Rabu, 17 Disember. - Aliran keluar masuk kenderaan di pintu-pintu kawalan sempadan utama negara, khususnya di Pos Kawalan Sungai Tujoh, Kuala Lurah dan Labu, didapati meningkat pada masa ini berikutan musim cuti persekolahan yang sedang berlangsung. Sehubungan itu, para pengguna jalan raya yang merentas sempadan dinasihatkan supaya sentiasa memandu secara berhemah, berdisiplin serta mematuhi peraturan lalu lintas yang ditetapkan bagi memastikan keselamatan dan kelancaran perjalanan semua pihak.

Pihak berkuasa turut mengingatkan orang ramai agar merancang perjalanan lebih awal serta bersabar ketika berhadapan dengan kesesakan lalu lintas, terutamanya pada waktu puncak dan hujung minggu. Pemandu juga dinasihatkan supaya sentiasa peka terhadap arahan pegawai bertugas di kawasan sempadan. Selain itu, pemeriksaan awal terhadap keadaan kenderaan seperti brek, tayar dan paras

bahan api adalah penting sebelum memulakan perjalanan jauh. Langkah ini dapat mengurangkan risiko kerosakan kenderaan yang boleh menjejaskan kelancaran lalu lintas di kawasan sempadan. Dalam masa yang sama, pemandu diingatkan agar tidak memotong barisan, memandu secara melulu atau melanggar undang-undang jalan raya meskipun terpaksa berhadapan dengan kelewatan.

Sikap bertimbang rasa dan toleransi sesama pengguna jalan raya amat diperlukan demi keselamatan bersama. Pihak berkuasa akan terus menjalankan pemantauan rapi di kawasan Sungai Tujoh, Kuala Lurah dan Labu sepanjang tempoh cuti persekolahan ini dan menyeru orang ramai supaya sentiasa memberikan kerjasama penuh serta mematuhi segala arahan yang dikeluarkan.

Burung Damak

Nama Binatang : Burung Damak / Greater Racket-tailed Drongo

Nama Tempatan : Burung Anting-anting **Order :** Passeriformes

Nama Saintifik : Dicrurus Paradiseus **Kelas Spesies :** Birds

CITES : Not listed **IUCN :** Kurang Dikhuatiri

Sumber Foto : Asmali bin Asli, BWPC 2022, JPH

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BURUNG Damak, atau nama saintifiknya Dicrurus Paradiseus, juga dikenali sebagai Greater Racket-tailed Drongo boleh ditemui di seluruh Asia Tenggara, termasuk di Brunei Darussalam. Burung ini hidup di pelbagai habitat, terutamanya kawasan hutan tanah rendah yang rimbun dan sering kelihatan terbang bersama kumpulan burung lain mencari makanan. Burung ini bersaiz sederhana, berukuran antara 31 hingga 36 sentimeter (cm), dengan panjang purata sekitar 33cm, tidak termasuk bulu ekor panjang yang luar biasa, dikenali sebagai *rackets* atau *streamers*. Beratnya pula antara 70 hingga 125 gram (g), dengan purata 100g, manakala bulu ekor panjangnya boleh mencapai sehingga 30cm. Burung ini menyerlah dengan berwarna hitam berkilat dengan kilauan biru dan hijau yang menawan. Ciri paling uniknya ialah dua helai bulu ekor panjang berbentuk raket - tapi menariknya, tidak semua Burung Damak memilikinya. Burung ini menyerlah dengan bulu hitam berkilat yang memantulkan warna biru dan hijau berkilau. Warna biru mula kelihatan di

belakang matanya yang merah keperangan dan memanjang hingga ke bahagian tengah belakang badannya. Sayap serta jambul di kepalanya berkilauan hijau dengan sentuhan hujung berwarna kuning pucat. Ciri paling istimewa Burung Damak ialah dua helai bulu ekor panjang seperti dawai dengan hujung berbentuk raket. Namun begitu, menarik untuk diketahui bahawa kira-kira 40 peratus daripada burung ini tidak memiliki bulu tersebut, menjadikannya agak sukar dibezakan daripada spesies Drongo lain. Burung ini juga dikenali dengan suara panggilannya yang unik - gabungan bunyi kasar, geseran, siulan, dan tiruan bunyi burung lain, menjadikannya antara burung paling vokal di hutan.

Burung Damak biasanya ditemui dalam kumpulan pelbagai spesies dan lebih gemar menghuni hutan yang dipenuhi daun gugur serta kawasan berbukit rendah yang terbuka. Diet utamanya ialah nektar dan pelbagai jenis serangga seperti semut dan kumbang. Ia merupakan pemburu yang tangkas - menangkap mangsa di udara atau dari permukaan pokok, dan kadangkala membawa makanan tersebut pulang ke sarangnya menggunakan cakar.

Burung Damak ini rupanya banyak jasanya, ia membantu dalam mengawal populasi serangga dan menolong dalam

pendebungaan tumbuhan. Ini bermakna Burung Damak memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem semula jadi kita.

Bila tiba musim mengawan, Burung Damak ni akan cari pasangan dan bekerjasama membina sarang kecil berbentuk piring, dibuat daripada akar, daun dan sarang labah-labah. Biasanya, sarang tu diletakkan di celahan dahan pokok yang kuat. Selalunya, burung ini bertelur tiga hingga empat biji, dan kedua-dua induk akan bergilir menjaga serta mengeram telur. Malah,

selepas anak-anaknya keluar dari sarang pun, ibu bapanya masih terus melindungi dan menyusu makanan kepada mereka.

Walaupun Burung Damak tidak disenaraikan di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa dalam Spesies-spesies Liar Fauna dan Flora Terancam (CITES), ia dikategorikan sebagai 'Least Concern' atau status kurang dikhuatiri oleh Kesatuan Antarabangsa bagi Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN), menandakan populasinya masih stabil dalam ekosistem kita.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar *Kitani* dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan: [forestry.brunei](https://www.instagram.com/forestry.brunei).

'Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara Hutan *Kitani*...'





Tetap waspada semasa musim cuti sekolah

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

MUSIM cuti sekolah merupakan waktu yang paling dinanti-nantikan oleh para pelajar dan keluarga. Tempoh ini lazimnya dimanfaatkan untuk berehat, melancong, berkumpul bersama keluarga serta mengisi masa lapang dengan pelbagai aktiviti riadah dan kekeluargaan. Namun demikian, di sebalik kegembiraan dan keseronokan yang dirasakan, aspek keselamatan tidak wajar dipandang ringan. Sikap waspada dan berhemah perlu sentiasa diamalkan agar musim cuti sekolah dapat dilalui dengan selamat, sejahtera dan bermakna.

Secara umumnya, peningkatan aktiviti masyarakat sepanjang musim cuti sekolah turut membawa kepada peningkatan risiko kemalangan, kecuaihan serta insiden yang tidak diinginkan. Statistik kemalangan jalan raya, kecederaan semasa aktiviti riadah, kes lemas, jenayah kecil serta ancaman keselamatan siber sering menunjukkan peningkatan ketika musim cuti panjang. Oleh itu, semua pihak khususnya ibu bapa dan penjaga memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan anak-anak sentiasa terpelihara.

Keselamatan di Jalan Raya Perlu Diutamakan

Antara aspek paling penting yang perlu diberi perhatian ialah keselamatan di jalan raya. Peningkatan jumlah kenderaan di lebuh raya dan jalan utama lazimnya berlaku apabila ramai mengambil kesempatan untuk bercuti dan membuat perjalanan jauh. Keadaan ini secara tidak langsung meningkatkan risiko kemalangan terutamanya apabila pemandu gagal mematuhi peraturan lalu lintas atau memandu dalam keadaan letih. Oleh itu,

pemandu dinasihatkan agar sentiasa mematuhi peraturan lalu lintas, mengelakkan pemanduan secara tidak menentu serta memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik sebelum memulakan perjalanan jauh. Ibu bapa juga perlu memastikan anak-anak menggunakan tali pinggang keselamatan dan tempat duduk kanak-kanak yang sesuai bagi mengurangkan risiko kecederaan sekiranya berlaku kemalangan. Pemandu juga digalakkan untuk merancang perjalanan dengan baik termasuk mengambil rehat secukupnya bagi mengelakkan keletihan yang boleh menjejaskan tumpuan.

Keselamatan Semasa Aktiviti Riadah

Selain itu, keselamatan kanak-kanak ketika menjalankan aktiviti riadah juga perlu diberi perhatian lebih. Aktiviti seperti berenang, berbasikal, mendaki dan bermain di kawasan awam sememangnya menyeronokkan, namun ia juga berpotensi mendatangkan bahaya sekiranya tidak dipantau dengan rapi. Kes lemas, misalnya, sering berlaku akibat kecuaihan dan kurang pengawasan. Oleh itu, ibu bapa disarankan agar sentiasa mengawasi anak-anak, memastikan mereka memakai peralatan keselamatan yang sesuai serta mematuhi garis panduan keselamatan yang telah ditetapkan.

Bagi aktiviti luar seperti berbasikal dan mendaki, penggunaan peralatan keselamatan seperti topi keledar, kasut yang sesuai dan pakaian pelindung hendaklah dititikberatkan. Anak-anak juga perlu dinasihatkan agar tidak bermain di kawasan berbahaya seperti tapak pembinaan, jalan raya dan kawasan sunyi. Sikap berwaspada dan peka terhadap persekitaran mampu mengurangkan risiko kecederaan dan kemalangan.

Keselamatan Siber dalam Era Digital

Dalam era digital masa kini, keselamatan siber menjadi antara cabaran utama, khususnya semasa musim cuti sekolah. Peningkatan masa penggunaan gajet dan internet dalam kalangan kanak-kanak dan remaja membuka ruang kepada pelbagai risiko seperti penipuan dalam talian, buli siber dan pendedahan kepada kandungan tidak sesuai. Ibu bapa digalakkan untuk memantau aktiviti dalam talian anak-anak, menetapkan had masa penggunaan serta memberi pendedahan awal mengenai etika dan keselamatan melayari internet.

Di samping itu, keselamatan di kawasan kediaman juga perlu dititikberatkan, terutamanya bagi keluarga yang merancang untuk bercuti ke luar daerah atau negara. Langkah-langkah pencegahan seperti memastikan pintu dan tingkap dikunci dengan sempurna, memaklumkan jiran terdekat serta mengelakkan perkongsian maklumat percutian secara terbuka di media sosial boleh membantu mengurangkan risiko jenayah seperti kecurian dan pecah rumah.

Jaga kesihatan diri

Perubahan rutin harian semasa cuti sekolah turut memberi kesan kepada kesihatan fizikal dan mental kanak-kanak. Waktu tidur yang tidak teratur, pengambilan makanan tidak seimbang serta kurang aktiviti fizikal boleh menjejaskan tahap kesihatan. Oleh itu, ibu bapa digalakkan untuk memastikan anak-anak mengekalkan gaya hidup sihat walaupun sedang bercuti.

Keadaan cuaca yang tidak menentu, hujan lebat berpanjangan serta angin kencang boleh meningkatkan risiko keselamatan kepada masyarakat, terutamanya kanak-kanak. Oleh itu, aspek keselamatan semasa musim hujan perlu diberi perhatian

agar sebarang kejadian tidak diinginkan dapat dielakkan.

Ibu bapa perlu mengawasi pergerakan anak-anak agar tidak bermain atau mandi di kawasan berair seperti sungai atau pantai. Arus deras yang berlaku secara tiba-tiba semasa hujan lebat boleh mengundang bahaya termasuk risiko lemas. Kesedaran mengenai bahaya ini perlu diterapkan sejak awal agar kanak-kanak memahami kepentingan menjaga keselamatan diri.

Risiko lain yang sering dikaitkan dengan musim hujan ialah kejadian banjir kilat dan tanah runtuh. Oleh itu, masyarakat disarankan agar sentiasa peka terhadap maklumat cuaca dan amaran awal yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.

Kesimpulan

Musim cuti sekolah seharusnya dimanfaatkan sebagai masa untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan dan mewujudkan persekitaran yang positif. Aktiviti seperti membaca, bersukan, memasak dan melakukan kerja amal mampu memberi manfaat dari segi emosi dan sosial. Musim cuti persekolahan merupakan tempoh yang amat berharga dan seharusnya dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Walaupun cuti membawa kegembiraan, aspek keselamatan dan kewaspadaan tidak boleh diabaikan. Sikap berhati-hati, peka dan bertanggungjawab perlu sentiasa diamalkan oleh semua pihak.

Dengan mengambil langkah berjaga-jaga dalam aspek keselamatan jalan raya, aktiviti riadah, keselamatan siber, kesihatan serta kesejahteraan emosi, musim cuti sekolah dapat dilalui dengan lebih selamat dan bermakna. Kerjasama dan kesedaran bersama mampu mewujudkan persekitaran yang harmoni, sekali gus memastikan generasi muda membesar dalam suasana sejahtera dan terlindung.



PENYELIDIK DEDAH PUNCA SUMBER HABA BANDAR MENINGKAT

LANZHOU, 19 Dis. – Penyelidik Republik Rakyat China baru-baru ini mendedahkan bagaimana sumber haba permukaan dalam kelompok bandar menyumbang kepada kejadian haba yang melampau, menurut Institut Eko-Alam Sekitar dan Sumber Daya Barat Laut (NIEER) di bawah Akademi Sains China.

Kajian itu mendedahkan ciri-ciri perubahan sumber haba permukaan dan hubungannya dengan kejadian suhu tinggi majmuk, menekankan kepentingan analisis tenaga permukaan dalam memahami perubahan iklim

bandar, kata NIEER.

Kelompok bandar menjadi bentuk urbanisasi yang dominan. Walau bagaimanapun, kesan gabungan pemanasan global dan pembangunan bandar yang pesat telah meningkatkan lagi risiko iklim untuk kawasan-kawasan ini.

Sebagai sumber langsung tenaga atmosfera, sumber haba permukaan telah terjejas teruk oleh perubahan dalam ciri permukaan tanah dan aktiviti manusia semasa urbanisasi. Terutamanya, peristiwa haba ekstrem yang terkumpul kini menimbulkan ancaman yang ketara kepada pembangunan

ekonomi, operasi sosial dan kesihatan awam.

Bertujuan untuk meneroka korelasi antara sumber haba tanah dan peristiwa suhu tinggi yang terkumpul, pasukan NIEER mengkaji taburan temporal dan spatial, serta evolusi, sumber haba tanah di empat kelompok bandar utama di seluruh Republik Rakyat China, menurut Gao Xiaoqing, seorang penyelidik di NIEER yang mengetuai kajian tersebut.

Kelompok-kelompok ini adalah wilayah Beijing - Tianjin - Hebei, Delta Sungai Mutiara, Delta Sungai Yangtze dan wilayah Chengdu-Chongqing.

Pasukan penyelidik menjalankan analisis statistik perbezaan serantau dalam sumber haba tanah dan peristiwa panas majmuk dalam kelompok bandar ini, sambil turut mengesan mekanisme korelasi.

Keputusan menunjukkan bahawa sumber haba permukaan dalam keempat-empat kelompok bandar secara amnya mengikuti corak bermusim iaitu 'kuat pada musim panas dan lemah pada musim sejuk.' Selain itu, ia mempamerkan ciri-ciri ruang yang berbeza.

Sebagai contoh, wilayah

PELANCONG melawat kawasan Bund di Shanghai, timur Republik Rakyat China apabila Shanghai mengeluarkan amaran gelombang haba.

Beijing-Tianjin-Hebei menunjukkan corak 'kuat di selatan dan lemah di utara,' dengan bahagian utara cenderung menjadi penyerap haba pada musim sejuk. Di Delta Sungai Yangtze, sumber haba utama terutamanya diagihkan di sepanjang sungai, manakala bandar-bandar besar mempamerkan tahap haba permukaan yang agak rendah, menurut kajian tersebut.

Perbezaan sumber haba permukaan dalam kelompok bandar ini mencerminkan gabungan kesan pengawalseliaan topografi, keadaan iklim dan tahap pembandaran, menurut Gao.

Kajian itu juga mendapati bahawa perubahan dalam sumber haba permukaan mempunyai kesan yang ketara terhadap



kekerapan peristiwa suhu tinggi majmuk, tetapi pengaruhnya terhadap intensiti peristiwa agak terhad.

Penemuan ini telah diterbitkan dalam jurnal Science China Earth Sciences.

"Penemuan kajian ini penting untuk menangani cabaran alam sekitar dalam kelompok bandar, meningkatkan daya tahan iklim bandar dan meningkatkan kualiti hidup penduduk bandar," kata Gao. - ©XINHUA



Jurang gaji antara jantina di Republik Persekutuan Jerman masih ketara

FRANKFURT, 17 Dis. - Golongan wanita di Republik Persekutuan Jerman sekali lagi dilaporkan menerima gaji yang jauh lebih rendah berbanding lelaki tahun ini, menurut laporan Pejabat Perangkaan Persekutuan pada Selasa, lapor agensi berita Jerman dpa.

Wanita berpendapatan purata 22.81 sejam (US\$26.82), iaitu 4.24 lebih rendah daripada lelaki, sekali gus menunjukkan jurang gaji kekal tidak berubah pada kadar 16 peratus.

Pada 2024, angka itu telah menyusut sebanyak dua mata peratusan berbanding tahun sebelumnya. Sebagai perbandingan, jurang gaji jantina pada 2006 adalah sebanyak 23 peratus.

Pejabat statistik itu mengatakan hampir dua pertiga daripada jurang gaji itu disebabkan kadar pekerjaan

sambilan yang lebih tinggi dalam kalangan wanita serta gaji yang lebih rendah dalam bidang pekerjaan yang lazimnya diceburi oleh wanita.

Ini meninggalkan baki jurang gaji jantina terlaras sebanyak 1.71, atau kira-kira enam peratus daripada gaji kasar sejam, tanpa penjelasan yang jelas. Angka itu kekal tidak berubah pada 2025.

Walaupun mempunyai pekerjaan, kelayakan dan sejarah pekerjaan yang setara, wanita tetap memperoleh enam peratus kurang daripada lelaki yang menerima gaji sejam sebanyak 27.05.

Agensi itu mengesyaki bahawa tempoh berhenti seketika dalam kerjaya - contohnya disebabkan kehamilan, penjagaan anak atau menjaga ahli keluarga - memainkan peranan, namun butiran ini tidak direkodkan secara

terperinci.

Pejabat itu percaya angka enam peratus itu mewakili had siling bagi kemungkinan diskriminasi pendapatan oleh majikan.

Dalam pada itu, jurang gaji jantina yang tidak dilaras adalah jauh lebih rendah di timur Republik Persekutuan Jerman iaitu sebanyak lima peratus, berbanding 17 peratus di bahagian barat.

Selaras dengan piawaian statistik Eropah, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan, serta pentadbiran awam, pertahanan dan keselamatan sosial dikecualikan daripada pengiraan ini.

Jurang gaji jantina dilihat jauh lebih kecil dalam sektor awam iaitu sebanyak empat peratus. Jika sektor ini dimasukkan, jurang gaji yang tidak dilaras di seluruh negara akan turun kepada 15 peratus. - ©BERNAMA

Belanda catat bilangan warga emas melebihi golongan muda buat kali pertama

ISTANBUL, 17 Dis. - Belanda buat julung kalinya mencatatkan bilangan penduduk berusia 65 tahun ke atas yang lebih tinggi berbanding mereka yang berumur di bawah 20 tahun, menurut data yang dikeluarkan oleh Statistik Belanda (CBS) pada Selasa, lapor Agensi Anadolu.

Pada awal tahun ini, negara itu merekodkan kira-kira 3.76 juta penduduk berusia 65 tahun dan ke atas, berbanding 3.72 juta orang di bawah usia 20 tahun. CBS turut menyatakan bahawa jurang itu dijangka melebar dengan ketara dalam dekad-dekad akan datang.

Unjuran menunjukkan menjelang 2070, Belanda akan mempunyai kira-kira 5.4 juta warga emas, manakala bilangan golongan muda dijangka mencapai

4.1 juta.

Bilangan penduduk berusia 80 tahun ke atas pula diramal meningkat mendadak daripada lebih 900,000 orang tahun ini kepada kira-kira 2.1 juta pada 2070. Dalam tempoh yang sama, populasi berumur 99 tahun ke atas dijangka meningkat daripada kira-kira 4,400 kepada lebih 38,000 orang.

CBS mengatakan trend penuaan ini terutamanya kepada peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kelahiran. Belanda kali terakhir mencatatkan lebih 200,000 kelahiran pada 2002, manakala kira-kira 166,000 bayi dilahirkan pada tahun lepas.

Pakar telah menyuarakan kebimbangan mengenai impak ekonomi dan sosial daripada

populasi yang menua ini, terutamanya risiko kekurangan tenaga kerja memandangkan bilangan pesara berkecuali lebih cepat daripada populasi usia bekerja.

Kekurangan kakitangan dalam sektor penjagaan kesihatan dijangka bertambah buruk dalam tahun-tahun mendatang seiring dengan peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan.

CBS menganggarkan jumlah penduduk Belanda boleh mencecah 20.6 juta menjelang 2070, namun menegaskan bahawa unjuran itu masih tidak menentu. Pertumbuhan penduduk pada masa hadapan akan bergantung kepada faktor seperti trend migrasi, jangka hayat, dan kadar kesuburan. - ©BERNAMA

Korea Selatan laporkan 2 kes baharu selesema burung di ladang ayam di Wilayah Chungcheong

SEOUL, 18 Dis. - Korea Selatan melaporkan dua kes baharu selesema burung berpatogen tinggi (AI) di ladang ayam penelur di wilayah tengah negara itu pada Rabu, menjadikan jumlah keseluruhan kes kepada 14 sejak musim sejuk bermula, lapor Agensi Berita Yonhap.

Selesema burung H5N1 dikesan di sebuah ladang di Goesan, Wilayah Chungcheong Utara, kira-kira 130 kilometer ke tenggara Seoul, serta di sebuah lagi ladang di Cheonan, Wilayah Chungcheong Selatan, kira-kira 90 kilometer ke selatan ibu negara.

Ladang di Cheonan itu kini melaporkan empat kes selesema burung berpatogen tinggi sejak 2020, termasuk wabak terbaharu ini, menurut Ibu Pejabat Pengurusan Bencana Pusat (CDMH).

CDMH berkata pihaknya sedang menjalankan pemeriksaan kuarantin khas di ladang terjejas, di samping memperketat pemantauan terhadap kenderaan yang memasuki kawasan terbabit bagi mengelakkan penularan lanjut penyakit itu.

Pihak berkuasa akan melaksanakan pemeriksaan menyeluruh ke atas ladang ayam penelur di seluruh negara sehingga akhir tahun ini. - ©BERNAMA

Syarikat penerbangan EU pertama mulakan penerbangan ke Iraq selepas 35 tahun

BAGHDAD, 17 Dis. - Lapangan Terbang Antarabangsa Baghdad menerima ketibaan pesawat syarikat penerbangan Eropah yang pertama selepas terhenti selama 35 tahun, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Penerbangan Aegean Airlines, syarikat penerbangan nasional Greece dari Athens ke Baghdad menandakan kali pertama syarikat penerbangan Kesatuan Eropah (EU) beroperasi ke Baghdad dalam tempoh lebih tiga dekad, sekali gus menunjukkan kembalinya Iraq ke dalam peta penerbangan Eropah," menurut Kementerian Pengangkutan Iraq pada Selasa.

Kementerian Pengangkutan menjelaskan bahawa pihak berkuasa Iraq telah berjaya memenuhi keperluan teknikal dan keselamatan, selain menaik taraf infrastruktur lapangan terbang negara itu selaras dengan piawaian antarabangsa yang diguna pakai di lapangan terbang Eropah.

Syarikat penerbangan Greece itu akan melakukan dua penerbangan seminggu dari Baghdad ke Athens dan kembali ke ibu negara Iraq itu. - ©BERNAMA

Harbin dinobatkan sebagai bandar pelancongan ais dan salji dunia

HARBIN, 17 Dis. - Bandar Harbin, ibu kota provinsi Heilongjiang di timur laut Republik Rakyat China dinobatkan sebagai "Bandar Pelancongan Ais dan Salji Dunia" oleh Organisasi Pelancongan Dunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN Tourism).

Gelaran itu diberikan oleh UN Tourism dalam majlis perasmian Forum Ekonomi Pelancongan Global - Heilongjiang 2025 yang diadakan di sini, pada Selasa.

Dalam majlis itu, UN Tourism turut menandatangani perjanjian kerjasama pelancongan ais dan salji dengan Harbin.

Untuk rekod, ekonomi ais dan salji di Harbin mencecah lebih RMB160 bilion (RM92.52 bilion), menjadi satu daripada penggerak utama kepada pembangunan ekonomi tempatan.

Forum Ekonomi Pelancongan Global edisi ini bertemakan "Kuala Produktif Kualiti Baharu, Enjin Baharu Ekonomi Pelancongan Dunia", disertai lebih 1,200 wakil dari lebih 30 negara dan wilayah di dunia. - ©BERNAMA

SUKAN RIA MERIAHKAN KAMPUNG SETIA

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Disember. - Keseronokan jelas dirasa dan tidak kurang gembiranya apabila melihat penyertaan penduduk kampung dalam aktiviti dan permainan yang

diadakan dalam Sukan Ria Kampung Setia bertempat kawasan lapang di kampung berkenaan. Pengunjung yang datang menyaksikan juga merasa seronok

dengan kerenah spontan yang membabit rasa kelucuan sekali gus melatih anak-anak muda kita untuk tidak hanya tertumpu kepada permainan *gadget* semata-mata.

Justeru, Sukan Ria tersebut untuk memupuk ukhuwah silaturahmi kalangan penduduk untuk menyerikan lagi aktiviti tahunan terutama sekali bagi mengisi masa lapang pada musim cuti persekolahan sekarang ini.

Aktiviti permainan yang diketengahkan antaranya Perlawanan Bola Sepak 5 Orang Sepasukan bagi kanak-kanak, Tarik Kalat Kategori Dewasa dan Kanak-kanak serta Lumpat Guni bagi peserta kanak-kanak.

Hadir pada majlis tersebut ialah Penghulu Mukim Zon 2 Kampung Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid; Pengarah Md. Hazreen bin Pateh Dato Paduka Haji Masri dan Pemangku Ketua Kampung Zon 3 Kampung Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim.

Meskipun acara anjuran kampung namun kemeriahan jelas dengan sokongan para pengunjung yang bersorak



PENGHULU Mukim Zon 2 Kampung Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang (atas). Manakala gambar kiri, antara aktiviti permainan yang diadakan pada acara tersebut.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan MPM Zon 2 Kampung Ayer

sehingga tergelak dengan gelagat yang mencuit hati dan rakaman seumpama ini tentunya akan menjadi memori yang tetap terpahat dan ristaan pada masa akan datang nanti.

Memupuk semangat kesukuan, kerjasama antara warga PPDB



PEMANGKU Pengarah Gerakan, ACP Awang Haji Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian pingat dan piala (atas). Manakala gambar bawah, antara aksi perlawanan pada kejohanan tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Rabu, 17 Disember. - Daerah Polis Belait telah menganjurkan Kejohanan Bola Sepak Sembilan Sepasukan yang berlangsung di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Polis Belait, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat adalah Pemangku Pengarah Gerakan, ACP Awang Haji Hamri Aslan bin Haji Abu Hanafiah yang turut menyemarakkan majlis penutupan dan penyampaian pingat dan piala.

Kejohanan ini telah melibatkan 10 pasukan, antaranya Pasukan IPD Belait, Balai Polis Sungai Liang, Balai Polis Labi, Balai Polis Setia, Balai Polis Panaga, RU'A, OPSO, Balai Polis Kuala Belait, Pasukan Pegawai serta pasukan undangan dari Jabatan Daerah Belait.

Dalam kejohanan tersebut, Pasukan Jabatan Daerah Belait muncul sebagai johan keseluruhan, diikuti dengan Pasukan IPD Belait sebagai naib johan manakala Pasukan Balai Polis Panaga menduduki tempat ketiga.

Penganjuran kejohanan ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahmi, memupuk semangat kesukuan serta memperkukuhkan kerjasama antara warga Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Sehubungan dengan ini, Daerah Polis Belait mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada seluruh peserta atas semangat sukan yang ditunjukkan sepanjang kejohanan berlangsung.



Memupuk gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan



SESI bergambar ramai di akhir acara kejohanan bola sepak tersebut (atas). Sementara gambar bawah, Pasukan 'A' Intan Berduri berjaya meraih Piala Rebutan Intan Berduri 2025 dan membawa pulang 20 guni beras.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Intan Berduri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Disember. - Kutipan sebanyak 9 mata hasil daripada 12 jaringan cukup untuk Pasukan 'A' Intan Berduri menjulang Piala Rebutan Intan Berduri 2025 yang berlangsung di Padang Bola Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini.

Selain piala, juara yang membawa pulang 20 guni beras itu menempatkan Kumpulan 'B' di tangga kedua dengan hanya mendapat 3 mata dan 2 mata diperoleh oleh Kumpulan 'C' tempat

ketiga. Manakala Pasukan 'E' dan 'D' masing-masing menduduki tempat keempat dan kelima.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Penghulu Mukim Zon 2 Kampung Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid.

Juga hadir, Pemangku Ketua Kampung Zon 3 Kampung Ayer, Awang Rahman bin Haji Kassim.

Adapun kejohanan bagi merebut Piala Rebutan Intan Berduri 2025 ini merupakan satu inisiatif yang digerakkan oleh penduduk Mukim

Zon 2 Kampung Ayer, dengan penglibatan menyeluruh pemain daripada Kategori Veteran, Belia dan Junior di bawah naungan keluarga besar Intan Berduri FC.

Penganjuran tersebut telah berjaya dilaksanakan dengan penuh semangat kesukuan, kerjasama serta keharmonian antara semua pihak yang terlibat.

Selain itu, kejayaan kejohanan yang diungayahkan di bawah Pengerusi Majlis Intan Berduri FC, Awang Haji Sufri bin Haji Bolaji@ Aji itu menjadi simbol kekuatan perpaduan serta semangat kekeluargaan yang kukuh dalam kalangan ahli pasukan.

Secara keseluruhannya, aktiviti ini dianjurkan bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi sesama ahli keluarga besar Intan Berduri FC, di samping menyediakan pengisian aktiviti yang berfaedah bagi mengisi masa lapang sempena cuti persekolahan penghujung tahun 2025, khususnya kepada golongan belia dan pemain muda.

Diharapkan agar penganjuran seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai platform untuk memperkukuh hubungan kemasyarakatan serta memupuk gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan.



PASUKAN BOLA JARING NBD TEWAS 23 - 89

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BANGKOK, THAILAND, Rabu, 17 Disember. - Pasukan Bola Jaring Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) terpaksa akur setelah tewas kepada Pasukan Bola Jaring Republik Singapura dengan keputusan 23-89 pada Temasya Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 yang berlangsung di Chantana Yingyong Stadium, Chulalongkorn University, baru-baru ini.



Suku masa pertama menyaksikan Pasukan Bola Jaring Republik Singapura mendahului permainan dengan jaringan gol 9 - 19, dan terus menambah lagi mata sekali gus meninggalkan Pasukan Bola Jaring Kebangsaan NBD pada suku masa kedua dengan jaringan gol 13 - 43 mata.

Masuk suku masa ketiga, Pasukan Bola Jaring Kebangsaan NBD terpaksa akur dengan jaringan gol 18 - 68, dan 23 - 89 pada suka terakhir perlawanan, menjadikan kemenangan berpihak

kepada Pasukan Bola Jaring Republik Singapura.

Menurut Jurulatih Pasukan Bola Jaring Kebangsaan

NBD, perlawanan tersebut sangat sukar berbanding perlawanan sebelumnya.

Namun jelasnya, para pemain bermula dengan baik seperti biasa tetapi tidak dapat mengekalkan fokus apabila berdepan dengan pertahanan kuat Pasukan Republik Singapura.

Goal shooter mereka ujarnya, bergelut untuk mengatasi tekanan daripada pertahanan Republik Singapura, dan terdapat banyak kesilapan tidak dipaksa (*unforced errors*) dengan kehilangan bola akibat kesilapan pemain pertahanan dan mereka gagal menukarkannya kepada jaringan.

Tambahnya lagi, kebanyakan pemain kehilangan penguasaan



ANTARA aksi para pemain pada perlawanan berkenaan (kiri dan atas kanan).



bola di kawasan *center third*.

Beliau juga mempunyai pilihan pertukaran pemain yang sangat terhad dalam perlawanan ini kerana beberapa pemain mengalami kecederaan yang masih berterusan.

Para pemain ujarnya, tidak berada pada posisi tepat pada masanya dan mereka juga sukar untuk mencari ruang yang ada apabila berdepan dengan pertahanan yang sentiasa

bergerak.

Jelasnya lagi, kebanyakan masa, terutamanya semasa hantaran tengah, pemain NBD menjadi sesak akibat pertahanan *zonal* Republik Singapura, yang merupakan cabaran paling sukar untuk diatasi oleh pasukan NBD.

Namun begitu katanya, pada kebanyakan masa pasukan NBD berjaya mengatasinya dan melaksanakan situasi tersebut dengan baik.

Pasukan sepak takraw NBD terlepas peluang mara ke separuh akhir

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA Ke-33



AKSI para pemain pada acara Quadrant yang berlangsung di Nakhon Pathom Minicipal Gymnasium.

BANGKOK, THAILAND, Rabu, 17 Disember. - Pasukan sepak takraw Negara Brunei Darussalam meneruskan saingan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 dalam acara Quadrant yang berlangsung di Nakhon Pathom Municipal Gymnasium.

Dalam acara Quadrant tersebut, keputusan perlawanan tidak memihak kepada pasukan negara apabila tewas kepada pasukan Republik Sosialis Viet Nam dan Malaysia masing-masing dengan keputusan 0 - 2. Oleh itu, pasukan negara tidak mara ke pusingan separuh akhir dan berakhirilah perjuangan pasukan sepak takraw bagi acara Quadrant.

Dengan keputusan tersebut, pasukan negara berada di kedudukan keempat daripada enam pasukan dalam Kumpulan B.

Kontinjen negara selamat pulang ke tanah air

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 24

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Awang Kamarul Arifin bin Mohamad Harif, diikuti dengan ucapan tahniah kepada kontinjen NBD dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Pada kejohanan berkenaan, Pasukan Sepak Takraw negara berjaya meraih pingat gangsa melalui acara Men's Hoop terdiri daripada 52692 LSM Muhammad Abdul Marteen bin Haji Asdi; ABKD 1075 Abdul Hadi Ariffin bin Haji Matali; ABKD 1288 Mohd. Hafizuddin bin Jamaludin; PC 6244 Md. Azri bin Abd Harith; L/Cpl 6109 Abdul Muiz bin Haji Nordin dan SLD 54172 Awangku Mohammad Hisyam bin Pengiran Hassan.

Dalam temu bual bersama Awang Abdul Hadi Ariffin selaku Ketua Pasukan Sepak Takraw negara, beliau mengongsikan bahawa persaingan adalah cukup sengit dan mencabar terutama sekali pada acara Men's Hoop berkenaan kerana pasukan-pasukan yang dihadapi merupakan antara yang terbaik namun mereka bersyukur kerana berjaya mengumpulkan mata untuk masuk ke peringkat separuh akhir dan akhirnya meraih pingat gangsa.

Bagi perancangan masa hadapan pula jelasnya, mereka akan terus melakukan latihan bagi memantapkan lagi stamina untuk menghadapi perlawanan Piala Dunia Sepak Takraw yang dijadualkan berlangsung di Malaysia dan Asian Games di Jepun pada tahun depan.



AWANG Abdul Hadi Ariffin semasa ditemu bual.

Berita dan Foto : Nooratini Haji Abas

MUARA, Rabu, 17 Disember. - Hubungan kekeluargaan memainkan peranan penting dalam membina kestabilan dan keharmonian masyarakat.

Dalam konteks kehidupan moden yang penuh cabaran, peluang untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan adalah sangat penting bagi memastikan ikatan kasih sayang dan persefahaman kekal utuh.

Justeru, Hari Keluarga merupakan inisiatif penting bagi memperkukuhkan ikatan kekeluargaan.

Aktiviti Hari Keluarga mampu mengeratkan ikatan kekeluargaan kerana ia memberi peluang kepada ahli keluarga untuk berkumpul, berkomunikasi

dan bekerjasama dengan lebih rapat.

Melalui aktiviti seperti permainan, majlis makan bersama, dan sesi berkongsi cerita, hubungan antara anggota keluarga dapat dipererat, meningkatkan rasa kasih sayang dan kepercayaan.

Selain itu, aktiviti ini turut membantu mengukuhkan nilai kekitaan dan saling menghormati dalam kalangan ahli keluarga, seterusnya mewujudkan suasana harmoni dan mesra.

Oleh itu, adalah penting bagi kita mengenal pasti dan memanfaatkan peluang yang ada untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan demi kesejahteraan dan kebahagiaan bersama.

Aktiviti Hari Keluarga wujudkan suasana harmoni, mesra



AKTIVITI Hari Keluarga mampu mengeratkan ikatan kekeluargaan kerana ia memberi peluang kepada ahli keluarga untuk berkumpul, berkomunikasi dan bekerjasama dengan lebih rapat.



LEBIH 30 PACUAN EMPAT RODA SERTAI BRUNEI OFFROAD CHALLENGE KE-3



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis perasmian acara Brunei Offroad Challenge Ke-3 (atas). Sementara gambar bawah, acara tersebut diadakan di SMNF Deer Farm, Kawasan Wasai Batu Mapan, Mukim Kiudang, Tutong.



KIUDANG, Jumaat, 19 Disember. - Sebanyak 36 peserta dari dalam dan luar negara mengambil bahagian dalam acara Brunei Offroad Challenge Ke-3 anjuran Persatuan Kereta Tahan Lasak Brunei (KTLB) yang mengambil tempat di SMNF Deer Farm, Kawasan Wasai Batu Mapan, Mukim Kiudang, Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis perasmian pada pagi tadi ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin, yang juga menyaksikan beberapa aksi perlumbaan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab; dan Penghulu Mukim Kiudang, Daerah Tutong, Awang Haji Khairulizam bin Haji Jeffrey.

Dalam ucapan yang disampaikan oleh Awang Mohd. Norfaizal bin Haji Zainuddin selaku Presiden Persatuan KTLB, beliau antara lain menjelaskan bahawa acara Brunei Offroad Challenge kali yang ke-3 ini diadakan bersempena dengan Brunei December Festival 2025 yang menjadi platform penting bagi memeriahkan sektor pelancongan melalui sukan lasak dan pengembaraan sambil mempromosikan salah satu tempat tarikan pelancong di negara ini iaitu SMNF Deer Farm.

Edisi Brunei Offroad Challenge kali ini telah menghimpunkan lebih 30 buah kenderaan pacuan empat roda dan melibatkan peserta tempatan serta luar

negara dari Sabah, Beaufort, Lawas dan Limbang, sekali gus menjadikan acara ini sebagai platform serantau yang memperkukuh semangat kesukanan serta persaudaraan.

Antara misi penganjuran acara tersebut, yang diadakan selama tiga hari bermula pada hari ini, adalah untuk memajukan dan menaik taraf industri sukan pemotoran negara, di samping menghulurkan bantuan bencana serta melaksanakan aktiviti amal kebajikan, sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Selain itu, sukan pemotoran ini juga berperanan sebagai salah satu aktiviti yang menyumbang ke arah perpaduan, memperkukuh jaringan komuniti, serta menjana ekonomi persatuan melalui penglibatan aktif pelbagai pihak.

Pemenang bagi penganjuran edisi pada kali ini akan menerima hadiah utama berupa wang tunai berjumlah BND3,000 beserta trofi dan sijil penyertaan. Sementara itu, pemenang di tempat kedua dan ketiga masing-masing akan membawa pulang hadiah berjumlah BND2,000 dan BND1,000 juga beserta trofi dan sijil penyertaan.

Kontinjen negara selamat pulang ke tanah air

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Jumaat, 19 Disember. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) seramai 31 orang yang terdiri daripada Pasukan Sepak Takraw, Pasukan Bola Jaring, Pegawai Urus Setia dan Medik

selamat kembali ke tanah air selepas berada di Bangkok, Thailand bagi mengikuti kejohanan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) Ke-33 2025.

Berada di Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan),

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, serta pegawai-pegawai kanan KKBS.

>> Muka 23



SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara.

Tahukah Awda

GO-RUSH, dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah melancarkan Perkhidmatan Penghantaran Farmasi di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) yang bermula pada bulan Februari 2019. Kesemua ubat-ubatan akan dihantar melalui perkhidmatan ini kecuali ubat-ubatan dan psikotropik yang terkawal. Ubat-ubatan yang dibungkus oleh Jabatan Farmasi akan disimpan dalam beg yang tidak mudah bocor, terjamin dan selamat. Terdapat dua jenis perkhidmatan penghantaran yang ditawarkan iaitu Standard (penghantaran dua ke tiga hari) dan Express (penghantaran pada hari yang sama).

SUMBER : Pelita Brunei

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BERSEDEKAH ADALAH AMALAN YANG MULIA DAN SANGAT TERPUJI